



KERATAN AKHBAR

Bulan Oktober 2012

Petir masuk rumah

■ Kediaman pendawai telefon musnah terbakar ■ Dua tercampak dari sofa

>>Oleh Rosli Itham
ar@hmetro.com.my

DUNGUN: "Panahan kilat itu menyambar begitu kuat sehingga membakar rumah jiran," kata Tengku Hasmita Tengku Ismail, 38, mencebitalar kejadian panahan petir sehingga rumah jirannya hangus dalam kebakaran di Kampung Paya, Balai Besar, kemarin.

Menurutnya, ketika kejadian dia duduk di atas sebuah sofa bermain dengan anak saudaranya yang berusia dua tahun di ruang tamu rumah jam 3.30 petang.

"Hujan lebat disusuli dua panahan petir sebelum itu tidaklah kuat. Tiba-tiba satu lagi panahan petir yang kuat sehingga cahayanya masuk ke rumah menyebabkan saya dan anak saudara tercampak dari kerusi sofa," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Beliau berkata, dia segera



GIGIH...bomba memadam sisa kebakaran rumah di Kampung Paya, Balai Besar.

memeluk anak saudaranya yang menangis begitu kuat sebelum terpancang dinding rumah jirannya mula dibakar api.

"Saya yang cemas dan hanya mampu menjerit memberitahu jiran melalui ting-

kap rumah kerana bimbang turin dari rumah berikutan hujan lebat dan bimbang dipanah petir," katanya.

Tengku Hasmita berkata, usahanya meminta bantuan gagal sebelum seorang Ahli Jawatankuasa Kemajuan Ke-

selamatan Kampung yang secara kebetulan melalui kawasan itu segera menghubungi bomba.

Pemilik kediaman itu, Abdul Jabar Abdullah, 43, yang bekerja membaiki pendaw-ian telefon berkata, ketika

kejadian dia sedang bekerja di Paka manakala isteri dan empat anaknya berusia antara sembilan hingga 15 tahun berada di rumah ibu mentuanya di Kampung Alur Tempoyak.

"Saya dimaklumkan jiran rumah terbakar sebelum segera pulang ke rumah dan mendapati keseluruhan rumah hangus," katanya.

Sementara itu, Penolong Penguasa Bomba Balai Bomba dan Penyelamat Dungun, Norazizi Che Noh berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 3.43 petang.

Katanya, ketika kejadian jenteranya berada di Sekolah Kebangsaan Seberang Pirtasan menyertai satu program.

"Sesapaan 11 anggota bersama tiga jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Dungun serta Paka tiba lapan minit selepas itu dan api ketika itu sudah membakar keseluruhan rumah terbit," katanya.



ANGGOTA bomba mengusung mayat Isham yang ditemui lemas di Pulau Kukup, Pontian semalam.

Nelayan hilang ditemui lemas

Oleh MUHAMMAD ZIKRI
berita@kcsmo.com.my

PONTIAN - Seorang nelayan yang dilaporkan hilang selepas terjatuh ke dalam laut apabila bot yang dinaiki dipukul ribut di pantai Rambah Jumaat lalu ditemui lemas semalam selepas usaha mencarinya hampir menemui jalan buntu.

Mayat Istam Mohd. Johari, 27, ditemui dalam keadaan terlarap dengan lengkap berpakaian di celah-celah pokok bakau pada pukul 10.50 pagi iaitu kira-kira 4.8 kilometer dari tempat dia dilaporkan hilang.

Penolong Penguasa Bomba Pontian, Zulbahry Sulong berkata, seramai 10 anggota dikerahkan mencari mangsa selepas menerima laporan namun hampir menemui jalan buntu apabila gagal mengesan mangsa setelah dua hari.

"Bagaimanapun, ketika menyusuri kawasan pokok bakau

di Pulau Kukup, anggota ter-nampak satu objek menyerupai manusia dan apabila didekati, ia merupakan mayat mangsa yang dilaporkan hilang itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Pontian, Superintendan Zahaliman Jamin berkata, kejadian berlaku pada pukul 8 malam apabila bot yang dinaiki Isham dan rakannya, Khairul Kassim, 27, dipukul ribut ketika mereka sedang menaikkan hasil tangkapan.

"Kedua-duanya gagal mengimbangi diri sebelum tercampak ke dalam laut. Khairul dapat menyelamatkan diri selepas dia mengapungkan diri selama tiga jam tanpa memakai pakaian manakala mangsa pula dihanyutkan arus kuat," katanya.

Tambahnya, Khairul yang dapat menyelamatkan diri kemudian memberitahu kehilangan mangsa kepada orang ramai dan polis.

BERANI...skwad unit udara bomba dan penyelamat melakukan demonstrasi menyelamat menggunakan helikopter.



Buka balai bomba baru



SEGAK...kanak-kanak Tadika Kemas berpakaian seragam bomba dan penyelamat sambil mengibarkan bendera.



MESRA...Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob (dua kanan) berbual dengan murid tadika yang memakai seragam anggota bomba dan penyelamat pada Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Jasim Bestari, sambil diperhatikan Ketua Pergara Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim (tengah) di Jasim, baru-baru ini.

'Pemandu kereta brek mengejut'

REMBAU: "Dua kali bas dihalang ketika cuba memotong sebuah kereta Perodua Viva yang dipandu perlahan di lorong kiri. Malah, kali kedua kereta itu mencelah ke laluan saya dan tiba-tiba pemandunya menekan brek menyebabkan saya terkejut dan terpaksa menekan brek mengejut mengakibatkan bas bergoyang dan terhuyung-hayang serta bergegar kuat lalu terbalik. "Kejadian berlaku terlalu pantas, saya dapat rasakan penumpang melambung dan kedengaran jeritan mereka. Keadaan ketika itu begitu huru-hara apabila penumpang bertindih antara satu sama lain."

Demikian kata pemandu bas, Mazlan Mohd Salleh, 51, mengemudi bas ekspres dipandunya dalam perjalanan dari Perhentian Bas Larkin, Johor Bahru ke Kuala Perlis yang terbalik sebelum terseret kira-kira 15 meter di Kilometer 233.8 Lebuhraya Uta-



USAHA...anggota bomba memeriksa bas yang terbalik.

ra-Selatan (Plus) arah utara, dekat sini.

Kejadian jam 1 pagi itu mengakibatkan sembilan penumpang termasuk pemandu bas kedua cedera dan dikejarkan ke Hospital Tunku Jaafar (HTJ) Seremban untuk rawatan manakala 19 lagi selamat dan dipindahkan secara berperingkat ke bas ekspres lain yang berhenti memberi bantuan.

Menurut Mazlan, dia ber-

sama pemandu kedua, K Arumugam, 38, serta 28 penumpang bertolak dari Larkin jam 9 malam dan dijangka tiba di destinasi sekitar jam 8 pagi.

"Saya memandu perlahan di laluan kiri sebelum menyedari sebuah kereta Perodua Viva di hadapan bas turut dipandu perlahan dan mengambil keputusan memintasnya.

"Semasa memintas kereta

itu, secara tiba-tiba ia masuk ke laluan kedua dan saya memperlambatkan pemanduan lalu membatalkan hasrat memintasnya sebelum mengelak dan masuk semula ke laluan kiri," katanya.

Katanya, cubaannya sekali lagi untuk memintas kereta dipercayai dinaiki dua lelaki itu gagal apabila bas dipandu dihalang lagi, malah kereta itu tiba-tiba menekan brek memaksa dia menekan brek mengejut hingga hilang kawalan dan bas terbalik serta terseret.

"Dalam keadaan panik, saya hanya mampu berdoa supaya diselamatkan daripada segala kecelakaan. Sejurus bas berhenti dalam keadaan terbalik dan badan yang masih sakit akibat ternantuk, saya memecahkan cermin hadapan bas dan dengan bantuan seorang perumpang lain berusaha mengeluarkan Arumugam yang terticor ketika kejadian dan cedera di kepala," katanya.



7.10.11 **Kilang perabot terbakar**

GEMPAR sebuah Kilang perabot terbakar di Taman Perindustrian Bukit Rambal, semalam. Timbalan Penguasa Bomba Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Kamalulzaman Mohd Din berkata, pihaknya menerima panggilan jam 12.54 tengah hari dan menghantar tiga jentera bersama 15 anggota bagi memadam kebakaran sebaik menerima laporan.

7.10.12 **Kereta
terbabas
dirempuh lori**

JELI: Seorang anggota penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) maut selepas kereta yang dipandunya terbabas sebelum dirempuh sebuah lori 10 tan di Kilometer 124.5 Jalan Kota Bharu-Machang-Gerik di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 8 pagi itu, mangsa, Azli Osman, 43, dari Pasir Mas meninggal dunia di tempat kejadian akibat parah di kepala dan badan.

Mayat mangsa tersepit di tempat duduk pemandu dikeluarkan anggota bomba dan penyelamat sebelum dibawa ke Hospital Jeli untuk dibedah siasat.

Jenazah mangsa dituntut keluarganya pada jam 4 petang semalam untuk dilebumikan.

Ketua Polis Daerah Jeli, Deputy Superintendan Sheik Azhar Sheik Omar berkata,



BERTUNGKUS-LUMUS...anggota bomba mengeluarkan jenazah Azli yang tersepit dalam kereta.

mangsa dikatakan dalam perjalanan dari Pasir Mas menghala ke tempat kerjanya di JFJ Gerik, Perak dengan menaiki kereta Toyota Vios.

Katanya, apabila tiba di tempat kejadian, mangsa dipercayai gagal mengawal kenderaannya sebelum terbabas dan memasuki laluan bertentangan.

"Ketika memasuki laluan bertentangan, kereta mangsa dirempuh sebuah lori 10 tan. Mangsa tersepit di tempat

pemandu dan meninggal dunia di tempat kejadian akibat parah di kepala dan badan.

"Kes disiasat mengikut seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari subscription.nstp.com.my



Menangis kereta terbakar

MELAKA: "Api ketika itu ama; marak dan asap tebal hingga menyebabkan saya tidak berani mendekati lokasi kejadian kerana bimbang berlaku letupan," kata penjaga tempat letak motosikal dikenali sebagai Ho, 50-an, yang menyaksikan kebakaran tiga kenderaan di kawasan parkir berdekatan Medan Selera Newtown, di sini, semalam.

Kebakaran jam 1.10 tengah hari itu menimbulkan tanda tanya berikutan satu daripada kereta terbabit iaitu Nissan Sentra dipercayai tiba-tiba terbakar sebelum api merebak dan menyambar

dua kereta berdekatan.

Kereta Nissan itu musnah manakala Perodua Kenari dan Ford Laser rosak akibat bahang kebakaran.

Tindakan pantas bomba berjaya mengawal kebakaran daripada lebih teuk dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku.

Menurut Ho, dia yang memeriksa kawasan tempat letak motosikal berdekatan tempat kejadian mencurigai sesuatu apabila ternampak asap tebal di kawasan terbabit.

"Apabila diperiksa, saya terkejut melihat asap itu rupanya datang dari se-

buah kereta yang marak terbakar di kawasan lot parkir berkenaan.

"Melihat keadaan itu, saya yang bimbang keadaan bertambah teruk menghubungi talian kecemasan untuk tindakan lanjut," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, semalam.

Tinjauan mendapati seorang daripada pemilik kereta berusia 30-an gagal menahan sebak dan menitikkan air matanya selepas menyedari kejadian itu.

Sementara itu, Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu, Pegawai Bomba Kanan II Low Liang Seong berkata, pihaknya bergegas ke tempat kejadian seurus menerima panggilan awam, pada jam 1.16 tengah hari.

"Seramai enam pegawai dan anggota bersama sebuah jentera dikerah memadam kebakaran membabitkan tiga kereta berkenaan.

"Api berjaya dikawal dalam tiga tujuh minit dan padam sepenuhnya lima minit kemudian. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku," katanya.

Menurut beliau, pihaknya bagaimanapun masih menjalankan siasatan lanjut terutama mengenal pasti punca kejadian.



SABAR...seorang daripada pemilik kereta terbabit gagal menahan sebak.

'Semua harta saya musnah'

» Wanita rugi RM50,000 dalam kebakaran membabitkan 4 buah rumah

Oleh Willie Jude Junaidi
bhnews@bharian.com.my

► Kota Kinabalu

Seorang wanita kerugian RM50,000 apabila wang tunai dan barangan kemas yang disimpan di rumahnya sejak 39 tahun lalu, hangus dalam kebakaran semalam.

Maungsa, Jaura Ukang, 80, terpaksa ditenangkan jirannya dalam kejadian kira-kira jam 9 pagi itu, yang juga menyebabkan tiga lagi rumah di Kampung Lembaga Padi, Inanam, hangus.

Kebakaran dipercayai berpunca dari salah sebuah rumah terbabit sebelum merebak ke rumah yang berhampiran.



Sepasukan anggota bomba bertungkus lumus memadam api dalam kebakaran di Perkampungan Setingan di Lembaga Padi, semalam. (FOTO RASMI ABDULLAH/BH)

Simpan barang kemas, wang tunai sejak muda
Jaura berkata, beliau menyimpan semua barangan kemas dan wang tunai itu sejak usia muda.

"Saya sudah tua dan miskin...kini semua harta saya termasuk dokumen penting musnah terbakar. Ketika kejadian, saya berada di Mahkamah Ma-

jistret Kota Kinabalu untuk menguruskan kes anak.

"Setiba di rumah, semuanya sudah musnah, tetapi saya bersyukur semua anak dan cucu selamat," katanya ketika di temui di tempat kejadian, semalam.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Sabah, Affendy K Ramin, berkata tiada kemalangan jiwa dan kecederaan dilaporkan dalam kejadian itu.

"Kami menerima panggilan mengenai kejadian itu jam 9.35 pagi sebelum bergegas ke lokasi bersama tiga jentera dan 24 anggota. Jumlah kerugian dan punca kejadian masih dalam siasatan," katanya.

PROGRAM TRANSFORMASI YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN.

1. Vision untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi
2. Fokus kepada core business, operasi dan keselamatan kebakaran
3. Fokus kepada response time
4. Penerapan konsep RECEO
5. Penekanan kepada offensive fire-fighting
6. Penekanan kepada 5 nilai utama iaitu berani, caring, selflessness, patience dan persistence
7. Fokus kepada penyelia pasukan KB22
8. Galakan untuk makan dibalai/larangan makan di luar balai waktu bertugas
9. Slogan Cepat dan Mesra
10. eFEIS
11. Penubuhan STORM
12. Perluasan skop HAZMAT, PPDA dan EMRS
13. Program memperkasa PBS
14. Insuran kelompok PBS
15. Peruntukan pengurusan PBS RM3000 sepasukan
16. Insuran kelompok Pegawai Bomba
17. Perolehan 100 FRT, 200 EMRS dan 100 High Capacity Water Tanker.
18. Pelaksanaan Bomba Bantuan
19. Memperkenalkan Balai Bomba Kategori D
20. Penubuhan Unit Pengurusan Aset Tak Alih
21. Fokus kepada kepimpinan di semua peringkat khususnya pasukan, balai zon dan negeri.
22. Penerapan konsep 14 Principles of Management.
23. Bomba komuniti
24. Dicampur dengan program sediaada seperti Kelab 3K, Kadet Bomba Sekolah dan Kadet IPT, sebenarnya kita menjurus kepada "KONSEP KESELAMATAN KEBAKARAN MENYELURUH BERPRESTASI TINGGI"

Lalai punca stor terbakar

NORAIZURA AHMAD

KUALA LUMPUR – Sebuah stor simpanan peralatan keselamatan di tapak pembinaan di Jalan Tun Sambanthan di sini, terbakar dalam kejadian awal pagi, semalam.

Kejadian yang disedari pengawal keselamatan kira-kira jam 2.30 pagi itu menyebabkan barangan dalam stor tersebut musnah.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan, Khurudin Drahan berkata semmai 49 anggota bersama enam jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Pantai, Taman Desa, Pusat, Pudu, Unit Forensik dan Pasukan Bomba Sukaroh Bukit Bintang berpegas

ke tempat kejadian selepas menerima panggilan kira-kira jam 2.33 pagi itu.

Menurutnya, keadaan api di bilik stor simpanan sementara yang terletak di bahagian bawah bangunan marak apabila pasukan bomba tiba di tempat kejadian.

"Kita berjaya mengawal kebakaran daripada merebak ke bahagian lain lebih kurang 30 minit.

"Ketika kejadian, tiada pekerja dan hanya pengawal keselamatan berada di situ," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Menurutnya, api dapat dikawal dengan cepat disebabkan

sisem kebompaan yang baik oleh pengendali bangunan tersebut.

Beliau berkata, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dan nilai kerugian masih dalam siasatan.

Menurutnya, dipercayai punca kebakaran disebabkan kelalaiannya pekerja tetapi pihaknya masih menyiasat pelbagai punca kemungkinan yang berlaku.

Khurudin berkata, dalam tempoh 10 bulan tahun ini, pihaknya menerima empat laporan kebakaran stor.

"Kita meneliti hampir 99 peratus kebakaran berpunca kelalaiannya dan menasihatkan orang ramai dan pihak industri pembinaan untuk mengambil langkah keselamatan yang lebih efektif," katanya.



Anggota Bomba dan Penyelamat mengawal kebakaran daripada merebak, semalam.

Stor simpan alat pemadam api terbakar

Sabtu
6 Oktober 12

KUALA LUMPUR: Sebuah stor sementara menyimpan peralatan keselamatan pembinaan musnah dalam kejadian kebakaran di Lot G, Bangunan Central Mall, di Jalan Tun Sambanthan, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian jam 2.30 pagi itu, bilik di tingkat mezzanine bangunan dalam pembinaan itu hangus bersama barangan keselamatan termasuk alat pemadam api dalam bilik itu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur Khurudin Drahan berkata, pihaknya menerima panggilan jam 2.33 pagi dan jentera pertama tiba jam 2.44 pagi.

"Sebaik tiba di tempat kejadian, api marak dan hanya dapat dikawal kira-kira 45 minit kemudian," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal,

pihaknya tidak menafikan kebakaran mungkin berpunca daripada kelalaiannya, namun masih menyiasat lebih lanjut.

Sementara itu, dalam kenyataan dikeluarkan pihak pemaaju, Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) berkata, kebakaran itu tidak mengganggu kerja pembinaan dan hanya mengakibatkan kerosakan kecil di bangunan itu.

"Api berjaya dipadam jam 3.45 pagi hasil tindakan pantas pihak bomba dengan kerjasama pasukan jurutera MRCB yang turut berada di tempat kejadian, sebaik menerima maklumat kejadian.

"Bagaimanapun, punca serta jumlah kerugian masih dalam siasatan dan pihak MRCB mengucapkan jutaan terima kasih ke atas tindakan pantas pihak bomba" katanya.



MUSNAH...Keadaan stor sementara yang terbakar awal pagi, semalam.

>>Oleh Junaidi Ladjana
dan Norasikin Daineh
hmik@metro.com.my

KOTA KINABALU: Seorang lelaki yang dipercayai cuba membaiki sambungan paip air yang pecah, maut terkena renjatan elektrik di dalam parit di Kampung Suang Parai, dekat sini, semalam.

Mayat Moxsin Sibok, 31, ditemui sekumpulan kanak-kanak yang bermain bola sepak berhampiran parit berkenaan, kira-kira jam 5 petang.

Seorang penduduk yang dikenali sebagai Jaffar Manaf, 70, berkata ketika kejadian dia sedang membersihkan semak-samun di kawasan tanah miliknya berhampiran lokasi kejadian.

"Ketika membersihkan semak-samun, saya terkejut apabila kanak-kanak menjerit dan memberitahu ada seorang lelaki dalam keadaan tidak sedarkan diri di dalam parit.

"Saya terus ke tempat kejadian kira-kira 50 meter dari rumah dan terkejut melihat mayat seorang lelaki da-

Renjatan dalam parit

Kanak-kanak menjerit lihat mayat lelaki

"Ketika membersihkan semak-samun, saya terkejut apabila kanak-kanak menjerit dan memberitahu ada seorang lelaki dalam keadaan tidak sedarkan diri di dalam parit"

>Jaffar Manaf

lam, keadaan tertiarap," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Jaffar berkata, dia kemudian memaklumkan kepada penduduk kampung sebelum seorang daripada mereka menghubungi polis.

"Saya difahamkan, lelaki itu cuba memperbaiki paip air yang pecah dalam parit berkenaan dan mungkin ketika melakukan kerja baik pulih, dia terkena renjatan elektrik yang dipercayai berpunca dari parit itu," katanya.

Difahamkan, bekalan air ke

rumah sewa mangsa diktakar, mengalami masalah sebelum dia melakukan pemeriksaan dan mendapati paip air pecah.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Jauteh Dikun ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan memberitahu, mayat mangsa dihantar ke Hospital Queen Elizabeth (HQE).

"Punca kematian belum dapat diketahui dan mayat dihantar ke hospital untuk dibedah siasat," katanya.



MALANG...anggota bomba mengangkat mayat Moxsin dari dalam parit di Kampung Suang Parai.

2 kereta sport dipandu laju rempuh pokok, 4 maut



ANGGOTA bomba dan penyelamat mengusung mayat salah seorang penumpang kereta yang terbabas lalu melanggar pokok dalam kemalangan membabitkan dua kereta di Jalan Haji Ahmad, Kuantan, semalam.

KUANTAN 7 Okt. - Empat maut selepas dua kereta sport iaitu Nissan GTR dan Nissan Skyline chinaiki kereta yang disyaki dipandu laju terbabas lalu merempuh sebatang pokok di Jalan Haji Ahmad dekat sini menghala arah Semambu awal pagi ini.

Dalam kejadian pukul 4 pagi itu, mangsa yang terbunuh ialah pemandu kereta Nissan GTR, Tan Kah Yong, 24, dan penumpang hadapan kereta itu, Bao Shanshan, 26, seorang wanita warga China.

Dua lagi penumpang wanita kereta itu, Wei Li Dong, 27, yang juga merupakan warga China dan Chang Hong Nei, 26, rakyat tempatan cedera parah.

Selain itu, tuat maut, pemandu kereta Nissan Skyline, Go Hay Wei, 20, dan penumpang hadapan kereta tersebut, Koay Khor Liang, 21.

Kedua-dua pemandu kereta itu merupakan ahli perniagaan. Menurut Pegawai Penguat Kuasa Tadbir/Trafik Ibu Pejabat Polis Kor-tinjen (IPK) Pahang, Asisten Super-tendan Zainalabidin Othman, ke-dua-dua kereta berkenaan dalam



TAN KAH YONG

perjalanan dari arah Kuantan menuju ke Semambu.

"Sampai di tempat kejadian, kereta Nissan GTR itu dipercayai hilang kawalan sebelum terbabas ke kanan jalan dan melanggar sebatang pokok.

"Geberapa minit kemudian kereta Nissan Skyline pula lurut terbabas di lokasi yang sama. Siasatan mendapati semua wanita di dalam Nissan GTR itu bekerja di sebuah spa di sini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Tambah beliau, kesemua mayat dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini untuk dibedah siasat manakala dua penumpang yang parah juga mene-



GO HAY WEI

rima rawatan di hospital sana.

"Mengikut siasatan awal, kedua-dua kereta tersebut dipercayai dipandu laju. Keadaan jalan di kawasan itu basah berikutan hujan sebelum itu," ujarnya dan men-beritahu, kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Secrang saksi, K. Muniandy, 37, dari Taman Perumahan Setia Ber-kata, dia melihat kedua-dua kereta terbatit dipandu laju sebelum me-rempuh pokok.

"Sejurus itu, berlaku satu le-tupan kuat sebelum ekzos kereta berkenaan tercampak sehingga ke halaman rumah saya," ujar te-liau.



KOAY KHOR LIANG



BAO SHANSHAN



Kabin yang dijadikan tempat letak pelbagai kelengkapan haji musnah dalam kebakaran di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, semalam.

6.10.2012

Sumbangan kelengkapan haji musnah dalam kebakaran

Petaling Jaya: Pelbagai kelengkapan jemaah haji yang disumbangkan orang ramai dan korporat musnah apabila kabin kontena tempat simpanannya terbakar di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, semalam.

Antara kelengkapan itu termasuk beg selempang, beg roda dan tag bagasi yang belum diagihkan kepada jemaah.

Dalam kejadian jam 11.30 pagi itu, kontena seluas 48 meter persegi di luar bangunan kompleks itu disedan terbakar oleh orang ramai yang terlihat kepulan asap sebelum menghubungi bomba.

Litar pintas punca kebakaran

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohamad Sani Harul, ke-

tika dihubungi, berkata kebakaran dipercayai berpunca dari litar pintas panel elektrik di kabin terbabit namun siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenalpasti punca sebenar.

"Bomba menerima panggilan kecemasan memaklumkan kebakaran itu pada jam 11.48 pagi dan tiba ke lokasi kejadian lima minit kemudian.

"Dua jentera dari Balai Bomba Seksyen 7 Petaling Jaya

dan Balai Bomba Damansara dengan 13 pegawai dan anggota bomba kemudian berjaya mengawal kebakaran serta memadamkannya kira-kira dalam tempoh 30 minit," katanya di sini, semalam.

Tiada kecederaan dan kemalangan jiwa

Beliau berkata tiada kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan dan nilai kerugian belum dapat ditaksirkan.

Difahamkan, ketika kejadian tiada jemaah yang melaporkan diri dan kebakaran itu tidak merjejaskan operasi haji di stesen berlepas kompleks berkenaan.

SATURDAY, OCTOBER 6, 2012



Firemen dousing fire on the ground floor of the New Central Mall in Jalan Tun Sambanthan yesterday.

Fire razes storeroom at KL Sentral site

KUALA LUMPUR: Fire damaged a storeroom on the ground floor of a building under construction at the KL Sentral vicinity early yesterday.

The fire was believed to have started in a temporary storeroom on the ground floor of the New Central Mall in Jalan Tun Sambanthan, where safety equipment for construction sites is stored.

Kuala Lumpur Fire and Rescue Department director Khirudin Drahman said the department received a distress call at 2.33am.

A total of six fire engines with 49 firemen from the Pantai, Taman Desa, Jalan Hang Tuah and Bukit Bintang stations arrived at the scene at 2.44am. They managed to put out the flames in 45 minutes.

"The fire started on the ground floor of the building. The security guard who was working at that time made the distress call," said Khirudin.

"The building is under construction. All the safety equipment in the storeroom was destroyed."

He said the department was investigating the cause of the fire.

Bomba guna alat pemotong cincin dikeluarkan tangan budak tersepit

3 jam jari lekat pada tombol pintu

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN
zulsham@kosmo.com.my.

MELAKA - Gara-gara bermain tombol pintu, seorang murid tahun tiga terpaksa menahan sakit dan cemas selama tiga jam apabila jari hantu tangan kiri mangsa tersepit pada tombol



sebut di rumahnya di pangsupuri Ujong Pasir di sini semalam. Sebelum kejadian pada pukul 11.45 pagi, Muhd. Danish Abbasi Mokhtar, 9, murid Sekolah Kebangsaan Banda Hilir di sini dikatakan bermain dengan tombol pintu di bilik kakaknya, Nurkia Satina Batrisyia, 12. Ketika tombol itu dipusing-pusing oleh Danish, tiba-tiba jari hantu mangsa termasuk ke celah tombol tersebut, yang juga tercabut dari pintu.

Cerita ibu mangsa, Sharifah Nazahatul Akmal Syed Abu Bakar, (gambar kecil) 38, dia mengetahui perkara itu selepas anaknya gagal menarik jarinya keluar dari tombol pintu yang tercabut itu. "Saya sedang memasak nasi lemak di dapur dan terperanjat apabila Danish menjerit memberitahu jarinya termasuk ke dalam tombol pintu dan ketika itu tombol tersebut sudah tertanggal dari pintu.

"Saya panik apabila cubaan saya beberapa kali mengeluarkan jari Danish ga-



ANGGOTA bomba berusaha mengeluarkan jari Danish yang tersepit pada tombol pintu di pangsupuri Ujong Pasir, Melaka semalam.



DANISH menunjukkan tombol pintu yang menyebabkan sebatang jarinya tersepit selama tiga jam.

gal," kata Sharifah ketika ditemui semalam.

Wanita itu yang buntu kemudian menghubungi seorang rakannya sebelum rakan Sherifah menghubungi bomba bagi mendapatkan bantuan.

Sementara itu, Pegawai Bomba Kanan II Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu, Hashim Kaus berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian tersebut pada pukul 1.23 petang dan tiba di rumah mangsa sepuluh minit kemudian bersama satu jentera dan tujuh anggota.

"Anggota kami mulanya menggunakan minyak untuk mengeluarkan jari mangsa namun tidak berhasil kerana mangsa meronta-meronta kerana ketakutan," kata beliau.

Menurut Hashim, anggota

Saya terperanjat apabila Danish menjerit memberitahu jarinya termasuk ke dalam tombol pintu dan ketika itu tombol tersebut sudah tertanggal dari pintu

SHARIFAH NAZAHATUL AKMAL SYED ABU BAKAR

ta bomba kemudian terpaksa menenangkan Danish kira-kira sejam sebelum mangsa kemudian membenarkan bomba mencuba mengeluarkan jarinya daripada tombol pintu tersebut.

"Kami menggunakan alat pemotong cincin bagi memotong besi tombol berke-

naan sebelum jari mangsa dapat dikeluarkan pada pukul 2.30 petang," kata Hashim yang memberitahu sepanjang tangannya tersepit mangsa meregek-regek kerana kesakitan.

Beliau memberitahu, jari mangsa tidak retak atau patah kecuali mengalami bengkok kecil.



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat memadamkan kebakaran rumah di Kampung Pengkalan Nangka, Kelantan, Kota Bharu, semalam.

Wang, emas RM30,000 musnah dalam kebakaran

KOTA BHARU 22 Okt. - Sepasang suami isteri tinggal selalai sepinggang selepas rumah mereka musnah dalam kebakaran di Kampung Pengkalan Nangka dekat sini hari ini.

Lebih menyedihkan, kebakaran yang berlaku kira-kira pukul 2.45 petang itu turut memusnahkan wang tunai dan barang kemas dianggarkan berjumlah RM30,000.

Mangsa, Hafizah Hashim (gambar), 30, berkata, wang tunai yang musnah dalam kebakaran tersebut adalah hasil jualan kereta terpakai milik suaminya.

Menurut Hafizah, dia mengetahui kejadian itu selepas diberitahu oleh anak sulungnya, Aiman Hafizuddin, 4, yang ternampak api ketika bermain di luar rumah.

"Ketika kejadian saya sedang berniaga di sebuah kedai di hadapan rumah sementara suami pula bekerja. Tiba tiba anak saya datang memberitahu dia ternampak api. Saya terus berlari pulang dan mendapati api sudah marak.

"Rumah kami ini dua tingkat. Saya tinggal di bahagian atas manakala ibu dan ayah tinggal di bawah," katanya ketika ditemui pem-



6 Ketika kejadian saya sedang berniaga di sebuah kedai di hadapan rumah sementara suami pula bekerja

HAFIZAH HASHIM
Mangsa

berita di tempat kejadian.

Tambah Hafizah, dia tidak sempat berbuat apa-apa kerana api marak begitu cepat sehingga menyukarkannya untuk menyelamatkan barangan berharga.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Chepa, Mohd. Fehmi Mazlan memberitahu, pihaknya menerima panggilan kira-kira pukul 2.53 petang mengenai kebakaran itu.

Katanya, seramai 18 anggota bersama tiga jentera

dari Balai Pengkalan Chepa dan Kota Bharu dikejarkan ke tempat kejadian untuk memadam kebakaran dan menyelamatkan.

"Sebaik sahaja kami tiba, rumah ini telah musnah 80 peratus. Punca dan anggaran kerugian masih disiasat," katanya.



SELASA 9 OKTOBER 2012



HANGUS... anggota bomba memeriksa rumah mangsa yang terbakar, semalam. Gambar kecil, Nur Maizura.

Terdengar jeritan ibu ketika mandi

RANTAU PANJANG: "Selepas mendengar jeritan ibu, saya keluar dari bilik air dan berlari ke luar rumah untuk menyelamatkan diri," kata Nur Maizura Mohd Ali, 12, murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Sri Rantau Panjang 2, yang terselamat daripada rentung selepas kediamannya di Lorong Haji Yaakob, Banggol Kulim, di sini, terbakar, semalam.

Dalam kejadian jam 6.50 pagi itu, tiga lagi rumah turut terbakar dan kerugian dianggarkan RM380,000.

Kebakaran dipercayai bermula dari hawa sebuah rumah yang dijadikan tempat menyimpan petrol sebelum merebak ke tiga rumah berhampiran.

Menurut Nur Maizura, dia mandi untuk ke sekolah sebelum terdengar ibunya menjerit rumah terbakar.

"Mujur saya mendengar jeritan ibu dan segera memakai tuala untuk keluar rumah. Saya bersyukur kerana sempat menyelamatkan diri.

"Ketika berjaya keluar dari rumah, saya lihat api marak memusnahkan rumah," ka-

tanya yang masih terkejut dan trauma ketika ditemui, semalam.

Ibu Nur Maizura, Fauziah Abdul Rahman, 47, berkata, walaupun tinggal sehelai sepinggang, dia bersyukur anak bongsu daripada dua beradik itu selamat.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang, Nasuha Fahd Ahmad M'jar berkata, pihaknya menerima panggilan pada jam 7.02 pagi sebelum dua jentera bersama 15 anggota bomba termasuk anggota bomba dari Balai Bom-

ba dan Penyelamat Pasir Mas dihantar ke tempat kejadian.

"Ketika tiba di tempat kejadian, 70 peratus rumah terbakar. Kebakaran berjaya dipadamkan dalam tempoh 15 minit.

"Jumlah kerugian dianggarkan RM380,000 dan punca kejadian masih disiasat," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari subscription.nstp.com.my

KABU, 10 OKTOBER 2012

Peserta ERT uji kemahiran diri

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB
yunus.yakkub@kosmo.com.my

TANGKAS, cekap dan cepat adalah elemen penting sebagai ahli dalam pasukan respon kecemasan (ERT) dalam menghadapi sebarang situasi kemalangan atau kebakaran.

Dengan adanya ERT ia mampu memberikan bantuan awal sementara menunggu bantuan daripada pihak keselamatan.

Sebagai contoh, apabila berlaku sesuatu kebakaran, pasukan tersebut bukan sahaja bertindak mengerahkan orang ramai atau pekerja mengosongkan bangunan, tetapi membantu dalam merancang pelan tindakan kecemasan dan keselamatan pihak bomba.

Sedar akan pentingnya pasukan itu, satu pertandingan pemantapan ERT telah diadakan di Padang Bandaran Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.

Platform

ini bertujuan untuk menguji pengetahuan dan tahap kemahiran ahli-ahlinya.

Sebanyak 10 ERT dari seluruh Sabah dengan jumlah 117 peserta lelaki dan wanita terlibat dalam pertandingan itu.

Antara pasukan terlibat meliputi sektor perhotelan, perkilangan, perbankan dan syarikat perkapalan.

Pengerah Bomba dan Penyelamat Sabah, Nordin Pauzi berkata, pengaturannya adalah sebagai pentas dalam memastikan setiap pasukan di premis-premis terbabit mempunyai latihan yang betul serta memantapkan lagi pasukar selaras dengan matlamat serta tujuan ERT.

"Perlu diingat, ERT adalah penting dan fungsi pasukan tersebut bukan sekadar memberikan bantuan kecemasan dan berperanan dalam membantu pasukan keselamatan lain ketika situasi bencana.

"Isi turut memberi bantuan kecemasan awal dan melaksanakan usaha menyelamatkan sekiranya menjadi pasukan pertama yang tiba di lokasi kejadian cemerlang menunggu pasukar lain tiba," ujarnya.

Ujarnya, setiap pasukan diuji melalui empat siri latihan iaitu kawad operasi peralatan kebompaan, operasi fireman lift, kawad iron man ERT Sabah dan kawad campuran basah 300 kaki dua pancutan.

Melaluinya, para ahli ERT akan dinilai

PESERTA turut diuji membawa mangsa keluar dari kawasan kebakaran atau bencana.



MASA terpanjang membuka hos pemadam api dipraktikkan bagi membolehkan nyawa dan harta benda mangsa kebakaran dapat diselamatkan.

dari segi kepayaan menggunakan alat pemadam api secara cekap, menyelamatkan mangsa kebakaran selain tenaga dan stamina mereka.

Nordin menjelaskan, latihan pasukan ERT tersebut akan memberi kesan kepada pihak berkenaan, sama ada melibatkan aspek pengurusan, mahupun persepsi risiko berkenaan bangunan berisiko tinggi yang terdedah kepada risiko-risiko bahaya kebakaran dan bencana.

"Tiada gunanya bangunan yang besar dan canggih, tetapi sistem kecemasan sedis ada diabaikan dan tidak dikawal selia.

"Begitu juga bangunan hotel moden bertaraf lima bintang dibina bagi menajikan layanan pasti memuaskan kepada pengguna. Jika sistem menentang kebakaran hanya dijadikan hiasan tiada gunanya.

"Jadi, peranan ERT ini sangat diperlukan dan memberikan nilai tambah dalam misi bantuan dan menyelamatkan," katanya.

Mengulas lanjut, Pauzi memberitahu, para pasukan yang bertanding telah menjalankan latihan dengan Ja-

batan Bomba dan Penyelamat sejak awal tahun ini sebanyak dua hingga tiga kali seminggu sebagai persediaan dalam pertandingan tersebut.

Dalam pertandingan yang berlangsung selama sehari itu, pasukan ERT KS Kalabakan, Tawau dinobatkan sebagai juara keseluruhan, diikuti Leji Biomass Sahabat, Lahad Datu ditempat kedua dan Asli Jati Engineering Sdn. Bhd. di tangga ketiga.



KEPANTASAN ERT membawa peralatan pemadam api diuji bagi menghadapi situasi sebenar.



SEORANG peserta berlari membawa hos pemadam api dalam pertandingan pemantapan pasukan respon kecemasan di Padang Bandaran Kota Kinabalu baru-baru ini.



GELUNG dijadikan halangan bagi menguji kepantasan sekumpulan ahli ERT yang membawa tong air.

Tak sedar lori terbakar

Jeritan pemandu kereta selamatkan drebar daripada rentung bersama baja tembikai

>>Oleh Iskandar Shah
Mohamed dan Arifin Salleh
am@metro.com.my

ALOR GAJAH: Teriakan pengguna lebuh raya menyelamatkan nyawa seorang pemandu treler daripada rentung selepas kenderaan berat membawa muatan baja tembikai itu terbakar di Kilometer 207.9, Lebuh Raya Utara-Selatan arah selatan di sini, kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 6.45 petang itu disedari pemandu kereta berkenaan yang bertindak memotong dan melambai tangan sambil menjerit ke arah Zairi Abd Manaf, 31, memaklumkan perkara berkenaan.

Itu menyebabkan bapa kepada tiga anak itu segera memberhentikan treler dipandunya yang kemudian marak terbakar memusnahkan bahagian tengah kenderaan berkenaan bersama kira-kira 50 kampil baja tembikai.

Bagaimanapun, mangsa yang bersendirian sempat keluar menyelamatkan diri ti-



PERIKSA...anggota bomba memeriksa bahagian treler yang musnah terbakar.

dak mengalami sebarang kecederaan kerana berlari sejauh kira-kira 50 meter dari treler 18 tan terabit.

Menceritakan detik cemas itu, Zairi berkata, ketika kejadian dia dalam perjalanan dari Klang, Selangor dengan

membawa muatan 240 kampil baja yang mahu dihantar ke Tangkak, Johor.

"Saya memulakan perjalanan kira-kira jam 3 petang dan sudah melakukan pemeriksaan rapi ke atas treler dipandu yang didapati ber-

ada dalam keadaan baik serta selamat.

"Sebelum kejadian, saya turut berhenti berehat seketika di Kawasan Ehat dan Rawat (R&R) Seremban sebelum kembali meneruskan perjalanan kira-kira jam 5.45 pe-



ZAIRI...henti kenderaan

rang," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, malam kelmarin.

Beliau berkata, sejour tiba di lokasi, dia yang berada di lorong paling kiri pelik apabila secara tiba-tiba sebuah kereta memotong dan menjerit memaklumkan tayar belakang treler dipandu terbakar.

"Pada awalnya, saya tidak berasa apa-apa kerana yakin treler tidak mempunyai masalah namun pemandu itu berteriak kuat meminta supaya segera berhenti.

"Melihat keadaan itu, saya

memberhentikan kenderaan di laluan kecemasan dan terkejut melihat tayar berkenaan sememangnya terbakar dan api mula merebak ke bahagian tengah treler," katanya yang kemudian menghubungi pihak berkuasa untuk tindakan lanjut.

Zairi yang berasal dari Muar berkata, dia bersyukur kerana terselamat dalam kejadian yang tidak memabatkan kenderaan lain itu selain amat menghargai keprihatinan pengguna lebuh raya berkenaan.

"Saya sepatutnya menghantar baja itu esok (semalam) dan mahu pulang ke rumah terlebih dulu untuk bersama keluarga. Tidak sangka pula kejadian itu akan berlaku dan ia pengalaman kali pertama sepanjang 10 tahun memandu treler," katanya.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Alor Gajah, Pegawai Bomba Hairuddin Atan berkata, pihaknya berkegas ke lokasi kejadian sejour menerima panggilan kecemasan pada jam 7.03 malam.

Gitaris Kristal kemalangan

KUALA LUMPUR: Gitaris kumpulan Kristal, Ammar Izwan Alwi Aizhar, 25, dan rakanannya terselamat manakala seorang pemandu kereta mewah maut dan seorang pegawai tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) parah dalam kemalangan membatalkan tiga kenderaan di Jalan Bandar Sri Permaisuri, di sini, awal pagi semalam.

Dalam kejadian itu, pemandu Toyota Camry, Lim Ghan Hau, 52, maut di tempat kejadian akibat tersepit di tempat duduk manakala pemandu Proton Saga BLM, Mohd Nor Azlan Zainal Abidin, 26, cedera parah dan kiri dirawat di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM).

Menurut Ammar, kejadian itu berlaku sekelip mata ketika dia yang memandu Proton Wira Aeroback berhenti di lampu isyarat merah sebelum dirempuh sebuah kereta Toyota Camry dari arah bertentangan, kira-kira jam 3.30 pagi.

Difahamkan, kejadian dipercayai berlaku apabila sa-



TUTUP...polis mengangkat mayat Lim yang maut kemalangan, semalam.



SELAMAT...Ammar (dua dari kiri) terselamat selepas kereta dipandu terabit nahas.

lah sebuah kereta itu melanggar lampu isyarat menyebabkan dua kereta berkenaan bertembung di tengah-tengah simpang empat

menyebabkan kedua-duanya berpusing beberapa kali sebelum berubah hala lalu merempuh kereta gitaris terabit.

'Tolong jangan ganggu'

KAJANG: "Saya tidak pernah membuat pinjaman dengan mana-mana along dan hairan mengapa kumpulan terbabit mengganggu keluarga saya sejak sebulan lalu," kata Pengarang Foto Harian Metro, Tun Izhar Tun Ishak mengenai kejadian kereta miliknya jenis Naza Rio disimbah cat di kawasan rumahnya di Kajang Jaya, di sini semalam.

Menurutnya, ketika kejadian kira-kira jam 2.30 petang itu, hanya isteri dan anaknya berada di rumah manakala dia dalam perjalanan ke tempat kerja.

"Saya yang dimaklumkan isteri berkegas pulang sebelum mendapati kereta dan hadapan rumah penuh cat merah," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Tun Izhar berkata, dia pelik kerana kejadian itu berlaku tiga kali dalam masa sebulan sedangkan dia tidak pernah membuat pinjaman dengan mana-mana along.

"Ini kes aniaya...mungkin kumpulan itu (along) mencari penyewa atau penilik rumah sebelum ini," katanya memberitahu dia mula menyewa rumah berkenaan sejak setahun lalu.



ANIAYA...kereta dan hadapan rumah Tun Izhar dipenuhi cat merah.

Katanya, dia juga sudah memaklumkan kejadian itu kepada pemilik rumah berkenaan sebelum diberitahu bahawa rumah didaminya itu dibeli selepas ia dilelong

pihak bank.

Katanya, percakapan saksi yang juga jirannya, mereka melihat lelaki menaiki sebuah kereta berwarna putih melakukan perbuatan itu.



DUA pelajar sekolah kelihatan berhati-hati setelah melihat notis 'Awas Ular' ketika melalui sebuah bank di Kuala Terengganu semalam.



ANGGOTA bomba, Mohd. Shahidan Abdul Razak menunjukkan beberapa ekor anak ular sawa batik yang berjaya ditangkap semalam.

Awas ular berkeliaran di sebelah bank

Oleh MANIRAH OTHMAN
manirah.othman@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - 'Awas ular'. Itulah amaran yang tertera pada sekeping kertas dan ditampal di tepi dinding sebuah bank di bangunan Pusat Niaga Paya Keladi di tengah bandar di sini sejak kelmarin.

Bukan sekadar gurauan, amaran tersebut mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati ketika melalui kawasan tersebut berikutan penemuan beberapa ekor anak ular di situ sejak beberapa hari lalu.

Sejak Jumaat lalu sehingga semalam, lapan ekor anak ular sawa batik dipercayai berusia kira-kira dua bulan berjaya ditangkap oleh pegawai Bomba dan

Penyelamat Jalan Kota di sini. Tujuh ekor lagi anak ular berkenaan dikatakan sudah ditangkap oleh orang ramai yang melihat reptilia itu berkeliaran di kawasan tersebut sementara ibu ular berkenaan dipercayai masih berada di kawasan itu.

Ketua Belai Bomba dan Penyelamat Jalan Kota, Azmi Salleh memberitahu, pihaknya menjalankan operasi menangkap ular berkenaan selepas dimaklumkan oleh orang ramai minggu lalu.

"Sejak Jumaat lalu, kami berjaya menangkap lapan ekor ular dan yang terbaru kira-kira pukul 8 pagi tadi (semalam), dua ekor.

"Semua yang ditangkap berusia kira-kira dua bulan," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Jelasnya, ibu ular tidak dapat dipastikan sama ada masih berada di kawasan tersebut kerana pihaknya mengalami kesukaran untuk membuat pemeriksaan secara menyeluruh kerana ular itu dipercayai bersembunyi di dalam saluran kabel Tenaga Nasional Berhad ke bangunan itu.

"Sebab itu pihak kami terpaksa menunggu supaya ular berkenaan keluar dari sarang," katanya yang memberitahu pihaknya masih memantau kawasan itu untuk memastikan semua reptilia itu berjaya ditangkap demi keselamatan orang awam.

Katanya, kakitangan bank tersebut juga turut meletakkan papan tanda di kawasan itu sejak beberapa hari lalu supaya orang ramai lebih berhati-hati.

10/10/2010



MALANG...anggota bomba memadamkan kebakaran enjin kereta Ishak.

'Jiran beritahu nampak asap'

MALANG: "Panggilan telefon daripada jiran membuat saya tersentak apabila dia membentahu terdapat kepulan asap berbau hangit datang dari garaj.

"Selepas itu, saya dan isteri bergegas membuka pintu dan kami begitu terkejut melihat asap berkepul-kepul serta api marak muncul dari bahagian hadapan kereta," kata seorang guru, Ismail Ismail, 54, mengenai keretanya yang terbakar jam 7.30 malam kelmarin.

Ismail berkata, dia sedang berehat di dalam rumah sementara meranti waktu so-

lat, namun dikejutkan isterinya, Hasmah Sorumi, 41, yang mengatakan jiran mereka ternampak asap berkepul-kepul dari tempat letak keretanya.

"Saya segera membuka pintu dan lihat enjin kereta Naza Sutera saya terbakar dan tanpa membuang masa, saya menurunkan brek kereta dan menolaknya sejauh kira-kira 30 meter dari rumah.

"Saya menghubungi bomba dan dalam masa yang sama, jiran turut membantu memadamkan api yang sedang marak itu," katanya.

10/10/2010

Pelajar lemas lepas tekanan

RABU, 10 OKTOBER 2012

JERTIH: Hasrat seorang pelajar untuk melepaskan tekanan selepas menduduki peperiksaan percubaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan berkelah bertukar tragedi apabila dia lemas ketika mandi di Air Terjun Lata Tembakah, Hulu Besut, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.30 pagi, Muhamad Hafiz Hazwan Razali, 19, yang juga pelajar tingkatan enam atas Sekolah Menengah Pengkalan Chepa, Kelantan, mandi di tingkat tiga air terjun berkenaan sebelum dia tiba-tiba hilang daripada pandangan rakan-rakannya.

Rakannya, Mohd Zubaidi Zulkifli, 19, berkata, mereka dan dua lagi rakan bertolak dari rumah mangsa di Taman Pinggiran Golf, Pengkalan Cepa, Kelantan kira-kira jam 7.30 pagi dengan menunggang dua motosikal berasingan sebelum tiba di kawasan perkelahan berkenaan dua jam kemudian.

"Arwah mengajak kami mandi di air terjun itu untuk menghilangkan tekanan selepas menghadapi peperiksaan percubaan baru-baru ini.

"Malah selepas kira-kira 15 minit sampai di air terjun berkenaan, arwah terlebih dulu meluru ke sungai untuk mandi diikuti saya dan seorang lagi rakan manakala seorang lagi berada di tebing sungai.

"Bagaimanapun tidak lama kemudian, arwah tiba-tiba hilang dan tiada seorang pun daripada kami ternampak dia lemas," katanya.

Menurutnya, mengesyaki perkara buruk menimpa rakannya itu, dia kemudian bergegas membuat laporan

AWAS
NASIR DALAM 4 METER
SELAMATAN ADALAH
ANGGUNGJAWAB ANDA



USUNG...pasukan penyelamat mengangkat mayat Muhamad Hafiz (gambar kecil) untuk dibawa ke hospital.

di pondok pengawal Jabatan Perhutanan di pusat perkelahan itu sebelum gerakan mencari dilakukan pihak berkuasa termasuk polis, bomba dan Jabatan Pertahanan Awam dengan bantuan penduduk kampung. Mayat mangsa dijumpai

terdampar di dasar air terjun berkenaan kira-kira jam 1.30 tengah hari sebelum dibawa ke Hospital Besut untuk bedah siasat.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Kamaruddin Mohd Zakaria yang dihubungi berkata, ketika keja-

dian keadaan air di tempat mangsa mandi dalam dan berarus deras selain cuaca hujan.

"Mangsa yang dipercayai pertama kali berkunjung ke kawasan perkelahan berkenaan tidak pandai berenang," katanya.

DARI SEGENAP PELOSOK

Anak nampak dua lelaki curah minyak di dapur



Rumah kayu didiami lapan sekeluarga di Kampung Berhala Gantang, Seberang Temerloh musnah dalam kebakaran pagi semalam.

SEBERANG TEMERLOH, Pahang - Lapan sekeluarga terselamat selepas rumah sewa didiami dekat Kampung Berhala Gantang, di sini, hangus dalam kebakaran dipercayai akibat perbuatan khianat kira-kira jam 9.45 pagi, semalam.

Sewaktu kejadian, pasangan suami isteri Aminudin Saam, 49, dan Mariani Kani, 43, keluar menoreh getah di Kampung Telok Ira, kira-kira dua kilometer dari rumah mereka.

Ketika kejadian, kesemua anak pasangan terbabit ada di rumah kecuali seorang anaknya, Mustakim Aminudin, 13.

Mustakim yang sudah tidak bersekolah berkata, serasa dia berehat dalam rumah, dia melihat dua lelaki sedang mencurah minyak di

bahagian dapur rumahnya.

"Dalam sekelip mata api marak menyambar bahagian dapur dan saya bergegas keluar meminta tolongiran," katanya.

Sementara itu, Mariani yang sedang menoreh getah bergegas pulang ke rumah selepas melihat kepulan asap hitam menjulang tinggi dan kebun getah tempatnya bekerja.

Menurutnya, sebelum itu dia sudah mengesyaki sesuatu yang buruk akan berlaku apabila melihat kelibat seorang lelaki mendar mancir menaiki sebuah motosikal di kawasan rumahnya pagi kelmarin.

"Saya memang curiga dengan lelaki terbabit, sempat saya masukkan wang hasil menoreh getah ke dalam bank, tetapi wang RM800 milik pemilik kebun getah ha-

ngus," katanya.

Akibat kejadian itu, Mariani mendakwa dia kerugian tunai lebih RM1,000, barang kemas dan sebuah motosikal jenis Honda EX5 yang baru dibeli lima bulan lalu.

Sementara itu Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Temerloh, Hashnudin Hussain berkata, seramai 10 anggota bersama dua jentera bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima laporan.

"Api berjaya dikawal dalam tempoh 13 minit, kerugian dan punca kebakaran masih dalam siasatan.

"Kita sedang menunggu bahagian forensik bomba menyiasat dakwaan penghuni ada unsur

khianat, selebihnya kita serahkan kepada polis menjalankan siasatan mereka," katanya.

Dua gerai makan musnah

TAIPING, Perak – Dua gerai makan yang beroperasi sejak lebih 20 tahun lalu musnah 90 peratus dalam satu kejadian kebakaran di Jalan Stesen di sini, semalam.

Mangsa yang hanya dikenali sebagai Rozahar, 39, berkata dia terkejut apabila melihat ada percikan api dan tidak lama kemudian api mula marak ke gerai kedua.

Menurutnya, kejadian berlaku kira-kira jam 3.30 petang dan api mula merebak hingga ke gerai kedua.

"Tetapi kami bersyukur kerana semua selamat dan hanya berlaku sedikit kecederaan di bahagian kepala, kaki dan tangan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Rohazar berkata, ketika

kejadian semua begitu panik dan hanya terfikir untuk menyelamatkan diri serta ahli keluarga yang lain.

Dia dan dua anaknya dibawa ke Hospital Taiping bagi mendapatkan rawatan lanjut.

"Kami hanya mengalami sedikit kecederaan, namun gerai makan hangus terbakar dan jumlah kerugian yang dialami dianggarkan bernilai RM130,000," katanya.

"Selain itu, mungkin disebabkan gerai makan ini dibina menggunakan papan menyebabkan api marak dengan begitu pantas," katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Taiping, Peritlong Penguasa Hasna Abd Rashid berkata, da-

lam kejadian itu seorang wanita, berusia 39 tahun bersama dua kanak-kanak yang dipercayai anak wanita terbahit berada dalam kecai berkenaan.

Akibat kejadian itu, seorang kanak-kanak perempuan berusia satu tahun dan seorang kanak-kanak lelaki berusia 6 tahun mengalami cedera ringan dan dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Taiping.

Hasna berkata, pasukan bomba dan penyelamat menerima panggilan jam 3.32 petang daripada orang awam.

"Sebuah kereta dipercayai milik orang awam juga menerima kesan bahang kebakaran itu dan punca kebakaran serta jumlah kerugian masih disiasat," katanya.



Sebuah kenderaan milik orang awam yang turut terlibat dalam kebakaran membabitkan dua gerai makan di Taiping.



SAKIT...anggota bomba bertungkus-lumus mengeluarkan pemandu lori yang tersepit.

Derita tersepit sejam dalam lori remuk

PORT DICKSON: "Saya lihat kakinya berlumuran darah tetapi mangsa masih sedar dan meraung kesakitan. Dia merintih supaya cepat dikeluarkan kerana tidak tahan menanggung kesakitan," kata pemandu lori, R Mathan, 24, mengerai seorang lelaki yang tersepit selama sejam dalam lori yang remuk sebelum dikeluarkan anggota

bomba dan penyelamat.

Dalam kejadian jam 11.30 pagi itu, mangsa berusia 30-an memandu lori membawa tanah dipercayai hilang kawalan lalu terbabas ke bahu jalan dan merempuh belakang lori dipandu Mathan diletakkan di kawasan itu.

Menurutnya, lorinya rosak di belakang dan depan kerana rempunan kuat menye-

babkannya menggelongsor beberapa meter dan melanggar pokok dan papan tanda berhampiran. Perhentian bas

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Teluk Kemang, Mohd Rashid Sulaiman berkata, lapan anggotanya dikejarkan ke tempat kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan.

16-10-2012

Hangus leka berbual

Peniaga rugi RM30,000 apabila rumah, kedai makan musnah dalam kebakaran

>>Oleh Kamal Majid
amli@metronews.com.my

JELI Seorang peniaga bu-
kan saja kehilangan ru-
mah dan kedai makan,
malah wang tunai ber-
jumlah RM2,000 serta ba-
rang kemas isterinya turut
musnah dalam kebakaran di
Kampung Ayer Ianas, di sini,
kelmarin.

Dalam kejadian jam 9.45
malam itu, rumah kedai mi-
lik Mad Nor Mustapa, 60,
yang didiami sejak 20 tahun
lalu musnah sehingga dia
tinggal sebelah sepinggang
dan kerugian dianggarkan
kira-kira RM30,000.

Mustapa berkata, sebelum
kejadian, dia berbual di ru-
mah jiran sebelum seorang
penduduk kampung me-



PADAM...anggota bomba memadam kebakaran di rumah kedai.

maklumkan rumah kedainya
terbakar.

Katanya, dia bergegas me-
lihat kebakaran itu, tetapi ti-
dak mampu berbuat apa-apa

kerana api marak.

"Saya hanya mampu me-
lihat anggota bomba mema-
damkan kebakaran. Saya tidak
sempat menyelamatkan bara-

ngan di dalam rumah dan
kedai termasuk wang tunai
berjumlah RM2,000 serta ba-
rang kemas isteri yang disim-
pan di dalam sebuah bilik.

"Sebuah motosikal Yamaha
Sport yang diletakkan di de-
pan rumah kedai turut han-
gus dalam kebakaran itu.
Bagaimanapun, saya bersyukur
kerana semua ahli ke-
luarga selamat," katanya ke-
tika ditemui di tempat ke-
jadian.

Sementara itu, Ketua Balai
Bomba dan Penyelamat Jeli,
Soleh Nasir berkata, pihak-
nya menerima panggilan
pada jam 9.49 malam dan
menghantar tujuh anggota
bomba dan enam anggota
bomba sakarela bersama dua
jentera ke tempat kejadian.

"Sebaik tiba, keseluruhan
rumah kedai papan itu ham-
pir musnah dan kita berjaya
memadam kebakaran bebe-
rapa minit kemudian," ka-
tanya.

Terlelap: Guru besar sekolah agama maut

MUAR - Seorang guru besar
sebuah sekolah agama di sini
terpaksa menahan kesakitan
selama 20 minit akibat ter-
sepit dalam kereta diparidu-
nya sebelum meninggal dunia
dalam kemalangan di Batu 16,
Jalan Bakri-Air Hiram dekat
sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul
7.30 malam itu, Mukinah War-
no, 52, yang baru beberapa
bulan bertugas sebagai Guru
Besar Sekolah Agama Bukit
Naning baru meninggalkan
sekolahnya selepas tamat sesi
persekolahan pada hari ter-
sebut.

Mangsa yang memandu ke-
reta Perodua Kancil dipercayai
dalam perjalanan pulang
ke rumahnya di Batu 17 na-
mun tiba di tempat kejadian,
Mukinah dikatakan terlelap
menyebabkan keretanya ter-
babas masuk ke laluan bertan-
gangan.

Kereta mangsa kemudian
bertembung cengan sebuah
treler panjang dan menyebab-
kan kereta Perodua Kancil itu
remuk teruk manakala Mu-
kinah pula tersepit di dalam
kenderaannya.

Timbalan Ketua Polis Da-
erah Muar, Superintendan
Shahadan Jaafar berkata,



KERETA Perodua Kancil dan treler yang bertembung di Batu 16, Jalan Bakri-Air Hitam, Muar kelmarin.

mangsa yang tersepit berjaya
dikeluarkan kira-kira 20 minit
selepas kemalangan tetapi dia
kemudian disahkan meninggal
dunia di tempat kejadian ke-

rana cedera parah di kepala
dan beberapa anggota badan.

Merurut beliau, mayat
mangsa dihantar ke Hospital
Pakar Sultanah Fatimah

(HPSF) Muar untuk bedah
siasat sebelum dituntut ke-
luarganya.

Semasa kejadian jajan ter-
sebut licin akibat hujan.

18.10.2012

18.10.2012

Lelaki maut, anak kritikal kereta bertembung lori

SEREMBAN: Seorang bapa terbunuh manakala anak lelakinya parah di kepala selepas kereta dinaiki terbahas dan bertembung dengan sebuah lori di Jalan Seri Sendayan berhampiran Taman Sendayan Indah, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 3.30 petang itu, mangsa, Kamal Saleh, 48, maut di tempat kejadian manakala anaknya, Mohd Shahril Ashraf, 13, dilaporkan kritikal dan dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) di sini.

Jurucakap polis berkata, siasatan mendapati ketika kejadian dua beranak itu yang berasal dari Taman Gadong Jaya, di sini dalam perjalanan dari Taman Nusari Bayu menuju ke Sendayan.

Katanya, ketika melalui selekoh berhampiran Taman Sendayan Indah kereta Perodua Kancil dinaiki mereka

dipercayai hilang kawalan sebelum terbabas ke laluan bertentangan dan berlanggar dengan lori membawa maatan tar.

"Rempuhan kuat itu menyebabkan pemandunya tersepi: dalam kereta sebelum dapat dikeluarkan dengan bantuan bomba.

Namun, mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala dan anggota badan manakala anaknya masih dirawat dan keadaannya dilaporkan kritikal," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Pegawai Tulus Trafik Negeri, Asisten Superintendan Abd Halil Hamzah yang mengesahkan kejadian berkata, punca sebenar masih disiasat.

Katanya, mayat mangsa yang selesai dibedah siasat sudah dituntut keluarganya untuk urusan pengebumian.



REMK...keadaan kereta mangsa yang remuk teruk selepas bertembung lori.



ROSAK...lori yang d'rempuh kereta mangsa dalam kemalangan di Jalan Seri Sendayan, semalam.

Tersepit setengah jam

Pekerja industri di KBS Teluk Kalong meninggal dunia setelah kereta langgar pokok

CHUKAI – Akbat kereta yang dipandu terlanggar pokok, seorang pekerja industri di Pengkalan Bekalan Kemaman (KSB) Teluk Kalong terpaksa menahan kesakitan tersepit di tempat duduk pemandu selama kira-kira setengah jam sebelum meninggal dunia di Hospital Kemaman dalam kemalangan pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.20 pagi di Kilometer 150.9 Jalan Kuala Terengganu-Kuantan, dekat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Ismail I itu mangsa, Mohd Amirul Hafiz Ramli, 25, meraung beberapa kali ketika kerja mengeluarkannya dari kereta jenis Honda Civic yang remuk teruk dan hampir terputus dua dilakukan.

Kerja mengeluarkan mangsa dilakukan Pasukan Bomba dan Penyelamat Balai Chukai sebelum mangsa yang sudah berkulawin dan tinggal di Rumah Murah Gong Limau dikejarkan ke Hospital Kemaman bagi mendapatkan rawatan.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Che Suza Che Hitam berkata, ketika kejadian Mohd Amirul Hafiz bersama



Beginilah keadaan kereta dipandu arwah Mohd Amirul Hafiz remuk teruk dan hampir putus dua selepas merempuh sebatang pokok dalam kemalangan Kilometer 150.9 Jalan Kuala Terengganu-Kuantan, dekat SMK Sultan Ismail I, Chukai, pagi semalam.

rakannya, Mohd Badrul Hisyam Abd Malik, 20, yang beralamat di Kampung Fikri dalam perjalanan dari Chukai ke Bukit Kuang dan terbabas ketika tiba di selekoh.

"Dipercayai sebarang di selekoh kereta yang dipandu mangsa luluh kawalan menyebabkan kereta itu me-

langgar tebing pejalan kaki sebelum merempuh pokok mengakibatkan pokok itu patah dan tumbang manakala kereta remuk teruk," katanya.

Mangsa yang cedera parah iaitu patah tangan, bahu dan kaki kanan, meninggal dunia kira-kira jam 8 pagi selepas hampir lima jam bertarung



Pokok di tepi jalan patah dan tumbang setelah dilanggar kereta dipandu arwah Mohd Amirul Hafiz.

nyawa sebelum jenazahnya dituntut ahli keluarga kira-kira jam 10 pagi.

Bagaimanapun, rakan mangsa yang tidak sedarkan diri selepas kemalangan hanya mengalami kecederaan ringan dan menerima rawatan sebagai pesakit luar di Hospital Kemaman.

Kata Che Suza, hasil pemeriksaan yang dilakukan, doktor mengesahkan mangsa meninggal dunia kerana kecederaan calaman.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pengguna jalan raya waspada kerana lokasi itu kerap terjadi kemalangan.

Tiga sekeluarga maut nahas

FAIRUS MOHD

PEKAN - Sepasang suami isten dan cucu berusia setahun terbunuh apabila bumbung kereta Perodua Kancil yang mereka naiki dihempap kelapa sawit yang terjatuh daripada sebuah lori dan dilanggar sebuah kereta di Kilometer 9, Jalan Salong-Chini, semalam.

Ketua Polis Daerah Pekan, Superintendan Yahaya Othman berkata, ketika kejadian, kesemua mangsa dipercayai dalam perjalanan dari arah Chini ke Salong dan apabila tiba di satu selekoh, sebuah lori yang membawa muatan buah kelapa sawit melalui jalan bertentangan.

"Ketika kedua-dua kenderaan itu berselisih, tiba-tiba kelapa sawit yang berada di dalam lori terbabit terjatuh dan menghempap kereta mangsa," katanya.

Katanya, pada masa yang sama, sebuah kereta Proton Iswara yang berada di belakang kereta mangsa melanggar kenderaan mangsa mengakibatkan tiga

mangsa, termasuk bayi terbabit meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah.

Mangsa yang terbunuh dikenal sebagai Nur Syafiqah Shailly Mohd Khairul Nizam, 1 tahun, pemandu kereca, Abdul Malek Mohamed Saman, 62, dan penumpang hadapan, Faridah Hamzah, 56, yang meriba bayi itu.

Sementara dua lagi mangsa yang parah dalam kereta sama ialah penumpang belakang, Northdayi Abd Malek, 21, dan Ain Najwa Mohd Khairul Nizam, 2.

Mereka dipercayai mempunyai tali-an keluarga dan tinggal di Felda Chini 4, dekat sini.

Pemandu kereta Proton Iswara, Muhamad Nezirul Airan Samsudin, 20, patah tangan.

Menurut Yahaya, semua mangsa cedera parah dikejarkan ke hospital untuk menerima rawatan.

Katanya, pemandu lori terbabit ditahan untuk membantu siasatan kesitu di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987.



Keadaan kereta yang remuk selepas terlepas terlanggar Perodua Kancil dinaiki tiga sekeluarga itu, semalam.

Campak anak dari tingkap

>>Oleh ABD RAHMAN ADAM
abdulrahman@hmetro.com.my

MIRI: Sepasang suami isteri nekad mencampak dua anak ke luar menerusi tingkap pada ketinggian dua meter bagi menyelamatkan mereka daripada rentung ketika kediaman mereka di Kampung Pasir Lutong, di sini, terbakar malam kelmarin.

Kejadian berlaku jam 12.15 tengah malam ketika pasangan terbabit, Dublin Simon, 25, dan isterinya Dev. Patrick, 22, tidur sebelum kedatangan seorang jiran yang mengetuk dinding bertalu-talu memaklumkan rumah mereka terbakar.

Menceritakan kejadian itu, Devi berkata, sebaik terjaga, dia melihat api menjulang di bahagian siling manakala

asap memenuhi ruang tamu rumah.

"Saya mengejutkan suami lalu kami mencapai dua anak berusia antara tiga dan sembilan tahun lalu mencampak dari tingkap bahagian dapur sebelum saya dan suami melompat menyelamatkan diri.

"Kami terpaksa berbuat demikian kerana api merebak cepat. Saya terkejut sebaik keluar dari bilik tidur mendapati api membakar keseluruhan ruang tamu selain siling rumah.

"Ketika itu, saya dan suami hanya memikirkan keselamatan dua anak selain seorang anak saudara berusia setahun yang ketika itu tidur," katanya.

Menurutnya, sebelum kejadian, dia tinggal bersama seorang adik ipar serta isteri

dan dua anaknya, masuk ke bilik tidur masing-masing jam 9 malam.

"Ketika kejadian kami tidur sebelum isteri adik ipar terjaga apabila terdengar ketukan bertalu-talu sambil berkali-kali memanggil nama kami.

"Namun, apabila semua terjaga, api membakar hampir keseluruhan ruang tamu rumah. Bagaimanapun, saya tetap bersyukur kerana tiada kejadian tidak diingini berlaku," katanya yang cedera di kaki akibat terpijak bara.

Dalam pada itu, seorang jiran hanya mahu dikenali sebagai Yet, 36, berkata ketika kejadian, dia bersama suaminya berbuai di ruang tamu sebelum dikejutkan dengan teriakan seorang jiran.

"Sebaik membuka pintu,

saya terkejut mendapati api membakar ruang tamu rumah mangsa sebelum saya bersama suami mengetuk dinding dan memanggil mereka bagi menyelamatkan diri.

"Keadaan api marak menyebabkan semua mangsa terpaksa keluar dari tingkap bahagian dapur: tanpa sempat menyelamatkan barangan berharga dan dokumen penting," katanya.

Sementara itu, jurucakap Balai Bomba dan Penyelamat Miri berkata, sebaik menerima panggilan jam 12.25 tengah malam, tiga jentera termasuk dua daripada Balai Bomba dan Penyelamat Lompeng bersama 15 anggota dikerah ke tempat kejadian.

Bagaimanapun, katanya, sebaik tiba, api merebak ke



keseluruhan rumah diperbuat daripada kayu dan pihaknya mengambil masa 10 minit untuk mengawal keadaan.

"Kebakaran dipercayai

bermula di ruang tamu rumah terbabit sebelum merebak ke bahagian lain. Punca kebakaran serta jumlah kerugian sebenar masih dalam siasatan," katanya.

21.10.2012



ORANG ramai melihat sebuah kren mengangkat kereta Proton Wira yang remuk selepas dirempuh sebuah lori hingga mengakibatkan Md. Hanafi dan Anira maut di Kota Tinggi kelmarin.



SEORANG pegawai polis berbincang dengan seorang anggota bomba ketika membuat siasatan berhubung kemalangan yang mengakibatkan dua beranak meninggal dunia.

Kereta dinaiki dirempuh lori membawa muatan pasir

Dua beranak maut nahas ngeri

Oleh FARIK SALLEH
berita@kosmo.com.my

KOTA TINGGI - Tanggal 16 Oktober lalu merupakan sambutan ulang tahun kelahiran terakhir buat seorang bapa sebelum dia menemui ajal selepas terlibat dalam satu kemalangan ager yang turut mengakibatkan anak perempuannya maut kelmarin.

Kejadian pukul 11.45 pagi di Kilometer 16 Jalan Tanjung Sedeli-Kota Tinggi, berhampiran simpang Kampung Mawai Lama di sini itu mengakibatkan Md. Hanafi Tasrip, 65, dan anak bongsunya, Anira, 19, maut di tempat kejadian.

Dua beranak tersebut tersept selama tiga jam selepas kereta jenis Proton Wira Aeroback yang mereka naiki bertembung dengan sebuah lori membawa muatan pasir.

Mayat mereka dikeluarkan oleh pa-



ANIRA



MD. HANAFI

sukan penyelamat dengan bantuan tiga buah trak tunda.

Di fahamkan, kejadian berlaku apabila pemandu lori dari Tanjung Sedeli ke Kota Tinggi tersebut gagal mengawal kenderaan berat berkenaan sebelum merempuh kereta mangsa yang berada di laluan bertentangan. Pemandu lori terbabit tidak cedera.

Dua beranak itu pula dalam per-

janaan pulang dari Bandar Kota Tinggi menuju ke rumah mereka di Felda Bukit Aping Limur.

Anak ketiga mangsa, Arina, 31, yang ditemui di Unit Forensik Hospital Kota Tinggi berkata, kali terakhir dia berjumpa bapanya ialah pada bulan lalu ketika dia pulang ke kampung manakala adiknya pada minggu lepas.

Katanya, bapanya juga baru menyambut ulang tahun kelahiran pada 16 Oktober lalu.

"Saya sempat menghantar khidmat pesanan ringkas mengucapkan selamat hari lahir kepada ayah. Saya tak sangka mereka kini sudah tiada," ceritanya yang tinggal di Kota Masai dekat sini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Che Mahazan Che Aik mengesahkan kejadian tersebut dan pihaknya masih menyiasat punca sebenar kemalangan.

Penumpang mati tersepit kereta terbabas

KUANTAN: Seorang lelaki terbunuh akibat tersepit, manakala rakananya cedera apabila kereta dinaiki terbabas dalam kemalangan di Kilometer 17, Jalan Kuantan-Gambang, dekat Sri Mahkota Jaya di sini, pagi semalam.

Dalam kejadian jam 7.05 pagi itu, mangsa yang meninggal dunia ialah penumpang kereta berkenaan iaitu Wong Vin Seng, 29, dari Bandar Baru Sungai Jerik, Jengka, manakala pemandu, Chun Teck Man, 29, cedera dan dikejarkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini.

Pegawai Penguat kuasa Pentadbiran dan Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, Asisten Superintendan Zainalabidin Othman berkata, ketika kejadian, mangsa bersama rakananya itu dalam perjalan-

nan menghala ke Sungai Jerik, Maran dari Kuantan.

Menurutnya, sebaik tiba di tempat kejadian, kenderaan mangsa dipercayai hilang kawalan dan memasuki kanan jalan sebelum terbabas ke dalam hutan di tepi jalan.

Katanya, akibat kejadian itu, Wong disahkan meninggal dunia di tempat kejadian sebelum mayatnya dikeluarkan anggota Bomba dan Penyelamat dari Tawau Tas.

"Siasatan awal mendapati permukaan jalan basah dan licin akibat hujan lebat dan keadaan itu dipercayai menjadi punca kemalangan terbabas berlaku namun siasatan lanjut berhubung insiden berkenaan masih dalam siasatan.

"Mayat mangsa sudah dituntut ahli keluarganya selepas bedah siasat selesai dijalankan," katanya.



LEMAS.. anggota JPAM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat membawa keluar mangsa lemas di Hutan Lipur Berketela, Jalan Maran.

Mayat pelajar di celah batu

Lemas dibawa arus deras ketika mandi bersama 10 rakan di air terjun

>>Oleh Lokman Zainal Abidin
lokman@nstp.com.my

KUANTAN: Kegembiraan sekumpulan 11 remaja yang mengambil peluang cuti hujung minggu mandi di kawasan air terjun Hutan Lipur Berketela, dekat sini, berakhir dengan tragedi apabila seorang daripadanya lemas dipercayai dihanyutkan air, dalam kejadian jam 4 petang kelmarin.

Mangsa, Farhan Faiz Fadil, 19, dari Kampung Kempa-

dang, Sungai Soi di sini, dikatakan ke kawasan hutan lipur berkenaan untuk mandi bersama 10 rakan.

Jurucakap Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) berkata, mangsa dipercayai tidak dapat menyelamatkan diri apabila arus tiba-tiba deras akibat hujan di kawasan hulu.

"Beberapa rakan mangsa cuba menyelamatkannya tetapi gagal apabila mangsa tenggelam. Kumpulan itu kemudiannya menghubungi pihak berkuasa untuk memaklumkan

kejadian itu.

"Kami menerima panggilan jam 4.30 petang semalam (kelmarin) dan memulakan operasi mencari serta menyelamat. Bagaimanapun, keadaan cuaca yang agak buruk tidak mengizinkan operasi itu diteruskan dan kami terpaksa mengambil keputusan untuk menghentikan operasi jam 9 malam," katanya.

Beliau berkata, operasi mencari dan menyelamat yang disertai Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Polis

Diraja Malaysia (PDRM) disambung semula pagi semalam dan mayat Farhan Faiz ditemui tersangkut di celah batu jam 10.05 pagi.

"Mayat mangsa sudah dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) untuk bedah siasat. Kami menasihatkan orang ramai supaya tidak menjadikan kawasan air terjun sebagai tempat mandi-manda ketika hujan kerana air kerap naik secara mendadak ketika musim hujan," katanya.

Lelaki maut kereta langgar pokok

CHUKAI: Seorang lelaki maut apabila kereta dipandunya terbabas dan melanggar sebatang pokok di Kilometer 150.9 Jalar Kuala Terengganu-Kuantan, dekat bandar Chukai, di sini, awal pagi kelmarin.

Kemungkinan jam 3.20 pagi di depan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail 1, Kemaman itu menyebabkan pemancunya, Mohd Aminul Hafiz Ramli, 25, maut akibat cedera parah.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Che Suza Che Hitam ber-



HANCUR... keadaan kereta mangsa yang remuk.

kata, ketika kejadian mangsa bersama rakan, Mohd Badrul Hisyam Abd Malik, 20, dari Kampung Fikri, da-

lam perjalanan dari bandar Chukai ke Kampung Bukit Kuang.

Menurutnya, kereta dipan-

du mangsa dipercayai terbabas ketika mengambil satu selekoh di tempat kejadian dan dia maut selepas kira-kira lima jam menerima rawatan di Hospital Kemaman (HK).

"Bagaimanapun, rakan, Mohd Badrul Hisyam yang pengan selepas kemalangan itu hanya cedera ringan dan mendapat rawatan sebagai pesakit luar di HK.

"Mangsa seorang pekerja industri di Pangkalan Bekalan Kemaman (KSB) Teluk Kalong dan sudah berkahwin dikejarkan ke HK bagi mendapatkan rawatan," katanya.

Pengumpul barang antik putih mata

Koleksi barangan lama bernilai RM800,000 turut hangus dalam kebakaran

ALOR TEMBESU - Tragedi kebakaran petang kelmarin, bukan sahaja memusnahkan tempat tinggal, malah turut memusnahkan sebahagian koleksi barangan antik milik seorang pengumpul barang antik.

Dalam kejadian itu, Zulkifli Zakaria, 52, terpaksa berputih mata apabila barangan antik bernilai RM800,000 seperti tembikar lama, keris, pedang batu permata serta tom-bak berusia lebih 100 tahun, gagal diselamatkan dalam kebakaran yang turut memusnahkan rumah banglo dua tingkat milik arwah bapanya itu.

Menurut Zulkifli, dia gagal menyelamatkan barangan kesayangannya itu kerana kebanyakan barangan antik itu disimpan di tingkat atas, kawasan paling banyak musnah dalam kebakaran itu.

"Antara yang paling bernilai ialah uiran dari gading gajah serta kitab lama. Semuanya hangus, apa pun saya reda dengan kejadian ini," katanya.

Rumah 'Pak Awang' jadi nostalgia Mek Ngah

Sementara itu, seorang lagi mangsa, Mek Ngah, 68, berkata, rumah yang dipanggil 'Rumah Pak Awang' sempena panggilan arwah suaminya itu mempunyai sejarah tersendiri kerana ia dibina berasaskan Rukun Iman dan Rukun Islam hasil gabungan rumah tempatan dan Indonesia.

Katanya, bumbung rumah itu mempunyai lima bucu melambangkan Rukun Islam manakala enam bulatan yang dibina di bahagian beranda melambangkan Rukun Iman.

Rumah tiga tingkat itu dibina oleh arwah suaminya selepas melawat Negara jiran seperti Indonesia, Brunei dan Pattani.

"Rumah ini meninggalkan nostalgia buat mak cik, setiap tahun di sinilah anak-anak akan berkumpul sewaktu menyambut hari raya, semuanya sudah musnah,"

"Mak cik tidak menangis biarpun rumah itu musnah, mak cik reda, semuanya ujian tuhan."

"Cuma kenangan di rumah ini bersama suami dan anak-anak sahaja agak sukar dilupakan," katanya yang berjaya menyelamatkan diri bersama tiga cucunya selepas rumah pusaka milik arwah suaminya, Zakaria Sulong hangus dalam kebakaran itu.

Dalam kebakaran itu, Mek Ngah bersama anak perempuannya, Jirini Zakaria, 46 serta empat cucu-



Hasmah (kanan) yang masih trauma dengan tragedi hampir meragut nyawa tiga anaknya itu menerima kunci motosikal dari Adun Sura, Wan Hassan Mohd Ramli sebagai sumbangan untuk menggantikan motosikal anaknya yang hangus dalam kebakaran, petang kelmarin.



Farah Nabihah (kanan) tidak dapat menahan sebak ketika menyaksikan struktur atas rumahnya satu persatu menyembah bumi selepas disambar api dalam kebakaran yang turut memusnahkan kelengkapan sekolahnya itu.

nya, Mohd Arif Fitri, 19, Nor Farah Nabihah, 14, Mohd Hazim, 5, serta Mohd Mukhlis Mahathir, 7, berjaya menyelamatkan diri sebaik menyedari api yang marak dari rumah belakang mula menyambar rumahnya.

Pakaian sekolah hangus

Seorang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Omar, Nor Farah Nabihah, 14, tidak dapat ke sekolah semalam kerana pakaian serta

kelengkapan sekolahnya musnah dalam kebakaran tersebut.

Menurut ibunya, Noraini Zakaria, 46, anaknya itu masih lagi trauma dengan kejadian berkenaan selain belum membeli pakaian baru kerana sedang menunggu tempoh tinggalnya yang turut musnah dalam kebakaran melibatkannya empat buah rumah itu.

"Dia tidak ke sekolah hari ini, lagi-pun dia masih trauma dengan kejadian itu," katanya.



Beginilah keadaan rumah 'Pak Awang' yang mempunyai seni bina mena'ik berasaskan Islam selepas kejadian kebakaran di Alor Tembesu, petang kelmarin.

Syukur dapat bantuan

"Saya bersyukur kerana kami semua selamat, cuma fikiran saya sekarang agak buntu memikirkan di mana kami lima beranak hendak berteduh selepas rumah kami musnah."

Demikian luahan Hasmah Kadmin, 48, salah seorang daripada empat keluarga yang terselamat dalam tragedi kebakaran melibatkan empat buah rumah di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian berkenaan, Hasmah yang mula melihat percikan api di bahagian siling rumah sempat mengendong tiga anaknya, Putra Alis, 8, pasangan kembar Putri Shalwari, 4, dan Putri Shalwara, 4, sebelum keluar menyelarratkan diri.

Hasmah yang ditemui berkata, tragedi kebakaran itu merupakan satu ujian berat yang terpaksa dihadapinya.

Katanya, buat masa ini segala perbelanjaan harian ditanggung anak sulungnya, Mohd Nor Hafiz Syeikh, 19 yang bekerja sebagai buruh.

Namun dalam kejadian kira-kira

jam 3:40 petang itu, sebuah motosikal yang digunakan anak lelakinya itu untuk ber-*uang-alik* ke tempat kerja turut hangus.

Pagairanapun kehibaan Hasmah yang kini tinggal sehelai sepinggang itu, sedikit terubat apabila Pas Dewan Kawasan Dungun melalui Adun Sura, Wan Hassan Mohd Ramli, tampil menghulurkan bantuan sebuah motosikal untuk menggantikan motosikal anaknya yang hangus dalam kebakaran berdekatan Perpustakaan Awam Dungun itu.

"Terima kasih kepada semua pihak yang banyak membantu saya."

"Segala budi baik anda tak mampu untuk saya membalasnya," kata Hasmah yang turut menerima sumbangan beras dan tunai daripada Wan Hassan yang menziarahinya dekat lokasi kebakaran, pagi semalam.

Difahamkan, pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Alor Tembesu juga sedang berusaha untuk mendapatkan sebuah rumah bagi kegunaan Hasmah sekeluarga.

YB Nasir jawab isu kontroversi

Ketua Umno Bahagian Kuala Nerus disindir setelah dedah nama calon di Sinar Harian

**W.SAIDATUL FADZILAH
W.NAJEMUDIN**

KELANTANGAN Ketua Umno Bahagian Kuala Nerus, Datuk Mohd Nasir Ibrahim Fikri dalam memperkatakan sesuatu isu kerap kali dipandang serong seperti pihak sehingga menimbulkan spekulasi tidak enak.

Keadaan bertambah panas baru-baru ini apabila kenyataan beliau yang disiarkan dalam Sinar Harian Septembar tahun lepas, turut dijadikan bahan politik seolah-olah cubaan untuk mengikis kredibiliti beliau sebagai ketua Umno bahagian tersebut.

Mohd Nasir ketika ditemui Sinar Harian menjelaskan, sebagai seorang ahli politik yang bertanggungjawab, beliau perlu metuhkan perkara sewajarnya demi kebaikan parti dan negeri walaupun mungkin menyebabkan sesetengah pihak kecil hati.

"Lebih baik saya menyingkatkan sesetengah pihak kalau ia dapat menyelaraskan sebuah negeri," katanya ketika ditemui Sinar Harian di sini.

Beliau menjelaskan, sebagai pemimpin politik yang ber-

tanggungjawab, semua pihak perlu bersikap berani dan matang kerana ia menggambarkan rasa sayang terhadap parti dan juga negeri.

"Saya rasa orang lain juga sebagai pemimpin yang bertanggungjawab sepatutnya berani menceritakan hal sebenar. Saya menceritakan apa yang saya rasa. Terserahlah kepada mereka. Kalau tidak berani, janganlah bercakap pasal orang lain," katanya yang banyak melontarkan idea bertubung politik semasa melalui laman blognya.

Jawab kontroversi isu Menteri Besar

Mohd Nasir turut menerima sindiran tajam berikutan kenyataannya mendedahkan kesemua senarai cadangan nama di peringkat kawasan Kuala Nerus yang diserahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk dinilai sebagai calon pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) akan datang.

Pendedahan yang turut disiarkan Sinar Harian pada Mei lalu menyebabkan Mohd Nasir tidak terlepas daripada suara sinis termasuk mengaitkan beliau mempunyai hasrat menjadi Menteri Besar Terengganu selepas pilihan raya umum akan datang

Ahli Parlimen Kuala Nerus itu menjelaskan, soal siapa menjadi Menteri Besar bukanlah hak peribadi memandangkan beliau sendiri belum tentu menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, jika benar beliau menyimpan hasrat menjadi ketua tacbir negeri, sudah tentu percakapan beliau tidak terlepas daripada mengaitkan isu negeri termasuk soal cadangan nama calon yang diserahkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan cadangan nama itu hanya menyentuh kawasan Kuala Nerus dan beliau berhak mengulas isu serta pergerakan di kawasan tersebut kerana memikul tanggungjawab besar untuk memastikan kemenangan parti di Parlimen Kuala Nerus.

Nafi mendahului pemimpin

"Saya bercakap pasal Kuala Nerus. Apabila diminta senarai calon Kuala Nerus, saya bercakaplah. Kalau saya mahu jadi Menteri Besar, saya cakap pasal negeri Terengganu. Tidak ada Menteri Besar di Kuala Nerus.

"Apabila diberi mandat kepada saya untuk bercakap mengenai calon di Parlimen Kuala Nerus, saya bercakaplah. Saya rasa orang yang mengkritik itu tidak faham. Bila saya bercakap (melibatkan) seluruh negeri Terengganu, barulah dia boleh kata saya mahu menjadi Menteri Besar," katanya.

Menyentuh perkara sama, beliau juga menolak gamberan pihak

tertentu bahawa beliau mendahului kepimpinan berikutan pendedahan senarai nama tersebut.

"Tiada sebab (mengatakan saya mendahului parti) kerana urusan tersebut tidak melalui negeri pun. Cadangan itu diminta daripada ketua bahagian untuk ditantar kepada presiden parti, tidak melalui Pengerusi Pehubungan (Umno Terengganu). Tidak ada kena mengena dengan pucuk pimpinan Umno negeri," katanya.

Beliau menjelaskan, soal cadangan nama itu bukanlah rahsia kerana pemilihan tersebut dilakukan dengan kaedah membiang undi secara terbuka.

"Jadi, ia tidak menjadi rahsia. Kenapa mahu ransikan perkara itu kerana pemilihan tersebut semua orang tahu. Jadi, tidak ada pekanggaran peraturan parti," katanya.



MOHD NASIR

Apa yang penting, beliau mahu memastikan kelima-lima kerusi di kawasan tersebut iaitu Dun Seberang Takir, Tepoh, Teluk Pasir, Bukit Tungal dan Parlimen Kuala Nerus menang.



Merasmikan Majlis Pecah Tanah untuk Projek Longkang di Alur Kuda, Kampung Bukit Tok Beng, Kuala Nerus.



Bersantia sambil menonton final Piala Malaysia bersama penduduk di pekarangan Masjid Kampung Wakaf Baru, Kuala Terengganu.



Turun padang melawat keluarga yang ditimpa musibah dalam kejadian kebakaran rumah penduduk di kawasannya.

Ketar lihat nahas ngeri

Tubuh wanita dirempuh kereta hampir putus dua

>>Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

GUA MUSANG: "Sejurus terdengar dentuman kuat, tubuh saya menggigil apabila melihat seorang wanita berlumuran darah dan tubuhnya hampir putus dua di bahagian pinggang akibat diseret kereta."

Demikian kata lelaki yang mahu dikenal sebagai Hussin, 45, saksi kemalangan ngeri di Kilometer 10 Jalan Gua Musang-Kuala Krai, berhampiran Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kese-

dar Renok Baru, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 pagi itu, mangsa yang juga ibu kepada tiga anak, Halijah Satar, 26, dari Kampung Batu Dua, Kuala Nerus, dekat sini, maut di tempat kejadian akibat cedera parah di badan.

Rakannya, Masitah Kamli, 30, membongkang motosikal ditunggang Halijah cedera parah dan kini dirawat di Hospital Kuala Krai.

Dalam kejadian itu, motosikal dinaiki mereka dikatakan dirempuh sebuah Proton Satria yang gagal me-

motong sebuah lori, menyebabkan Halijah terseret di bawah kereta itu dalam jarak beberapa meter.

Bagaimanapun, pemandu dan penumpang Proton Satria, dipercayai pasangan kekasih berusia 20-an tidak cedera.

Menurut Hussin, ketika kejadian, dia di dalam rumah dan segera keluar sebaik mendengar dentuman kuat.

"Keadaan ketika itu masih gelap dan berkabus. Apabila tiba di tempat kejadian, saya dapat berlaku kemalangan membabitkan sebuah kereta dan motosikal.



MAUT...ahli keluarga mangsa melihat jenazah Halijah (gambar kecil) selepas bedah siasat di Hospital Gua Musang, semalam.

"Apabila saya hampir motosikal dan kereta itu, saya lihat ada dua wanita bergelimpangan tidak sedarkan diri dengan tubuh seorang daripadanya hampir putus dua di bahagian pinggang," katanya.

Sementara itu, ibu Halijah, Asiah Ekram, 52, berkata, anaknya bekerja sebagai pembantu kedai makan di

bandar ini dan ketika kejadian, mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah selepas hertemu rakan.

"Arwah kebiasaannya habis bekerja pada jam 4 pagi dan sebelum kejadian, dia bertemu rakannya di RKT Kesedar Renok Baru selepas habis bekerja.

"Saya dimaklumkan mengenai kemalangan itu pada

jam 7 pagi dan terus ke hospital. Pulu melihat keadaan mayat arwah apatah lagi apabila terkenang nasib tiga anaknya dan suaminya pula bekerja di Singapura," katanya.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendent Saiful Bahri Abdullah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan kemalangan itu.

Tragedi pulang awal sambut Aidiladha

ENDAU: "Kami sekeluarga bercadang pulang awal menyambut Aidiladha bersama keluarga di Kota Bharu dan bertolak dari rumah sebelum subuh bagi mengelak kesesakan, malangnya kami terbit dalam kemalangan hingga meragut nyawa suami," kata Nor Suriati Yusuff, 42, isteri kepada anggota polis yang maut dalam kemalangan di Kilometer 7, Jalan Mersing-Endau di sini, pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 6 pagi itu, Koperal Lajpat Padilat, 52, yang memandu kereta Proton Persora dari Johor Bahru maut apabila kereta dipandunya memasuki laluan bertentangan lalu bertembung kereta Toyota Vios dinaiki tiga guru dari Endau.

Difahamkan, tiga guru berkenaan dalam perjalanan ke Felda Endau di sini mengambil seorang rakan mereka sebelum menghadiri kursus di Batu Pahat.

Dalam kejadian itu, Nor Suriati dan dua anaknya, Mohd Afik, 10, dan Farah, 13, cedera akibat pertembungan dua kereta berkenaan di kawasan bebukit berhampiran Felda Endau.

Pemandu kereta Toyota Vios, Koh Chong Sia, 50, dan penumpang depan, Zaidi Tahar, 37, cedera ringan, manakala penumpang belakang, Amizah Baharom, 29, cedera parah di kepala.

Menceritakan kejadian itu, Nor Suriati berkata, selepas



REMUK...mayat Lajpat dikeluarkan bomba selepas kereta dipandu terbabit nahas, semalam.



BANTU...orang ramai memberikan pertolongan.

dua jam perjalanan mereka berhenti berehat di satu simpang berhampiran lokasi kemalangan selama beberapa minit, sebelum meneruskan perjalanan.

"Ketika itu, semuanya seperti biasa dan suami meneruskan perjalanan, manakala saya dan anak terticur di dalam kereta.

"Saya tidak ingat apa-apa dan tersedar apabila kereta kami terbabit dalam kemalangan.

"Ketika itu, saya terasa sakit di kepala akibat terhantuk cermin kereta," katanya.

Sementara itu, Mohd Afik ketika ditemui di Klinik Kesihatan Endau masih trauma dengan kemalangan itu dan tidak dapat mengingati kejadian.

Ketika itu, dia dan ibunya belum mengetahui mangsa meninggal dunia di tempat kejadian akibat kemalangan itu.

Semua mangsa dikearkan ke Hospital Mersing sebelum dirujuk ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, kecuali Zaidi yang meminta dibawa ke Hospital Kuantan, Pahang untuk mendapatkan rawatan lanjut, manakala dua anak Lajpat hanya dirawat sebagai pesakit luar di Klinik Kesihatan Endau.

Terkejut rakan nahas

ENDAU: "Saya terkejut melihat terlibat sebuah Proton Persora yang berhenti di tepi jalan tiba-tiba bergerak sebaik sebuah lori melintasinya. "Alangkah terkejutnya apabila saya diberitahu kereta dinaiki tiga rakan yang sepatutnya mengamail saya terbabit dalam kemalangan hanya kira-kira 600 meter dari tempat saya menunggu mereka," kata guru Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Husin, Marina Abdo, 37, ketika ditemui semalam.

Menurutnya, ketika kejadian, dia menunggu tiga rakannya, pemandu kereta Toyota Vios, Koh Chong Sia, 50, penumpang depan, Zaidi Tahar, 37 dan Amizah Baharom, 29, untuk mengikuti kursus di Batu Pahat.

Bagaimanapun, katanya, dia hairan Koh dan rakannya itu terlewat sedangkan mereka sentiasa menepati masa.

"Tidak lama kemudian, saya diberitahu mereka terbabit dalam kemalangan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Mersing, Deputy Superintendent Mohd Nor Rasid mengesahkan kejadian dan siasatan sedang dijalankan.



Tidak tahu isteri hamil

Suami terkejut wanita bersama bayi maut

SHAIFUL AZHAR MOHD ALI

KULIM, Kedah - Seorang suri rumah berusia 20-an ditemui meninggal dunia dalam keadaan terbaring di bilik hadapan rumah sewanya di sebuah taman perumahan di sini kira-kira jam 2.30 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Ghuzlan Saleh berkata, kejadian disedari jiran mangsa apabila melihat anak mangsa yang berusia enam tahun pulang dari tadika berseorangan.

Menurutnya, sebelum iri, mangsa

akan pergi ke sekolah untuk mengambil anaknya pulang ke rumah setiap hari.

"Curiga dengan keadaan rumah mangsa, seorang jiran menemani anak mangsa masuk ke dalam rumah.

"Apabila masuk ke dalam rumah, jiran ternampak mangsa terbaring dengan keadaan tangan kirinya berdarah. Jiran yang cemas dengar kejadian itu meminta bantuan daripada jiran lain untuk menghubungi polis dan ambulans. Kakitangan ambulans yang tiba di tempat kejadian mengesahkan mangsa sudah meninggal du-

nia," katanya kepada Sinar Harian.

Ghuzlan berkata, polis membuat pemeriksaan terhadap rumah mangsa dan menemui kesan darah di hadapan pintu bilik air.

Katanya, apabila dibuka pintuberkenaan, polis terampak kesan darah dan beberapa kain di atas lantai dan turut menemui mayat bayi yang cukup sifat di tempat kejadian.

"Mayat kedua-dua mangsa kemudiannya dibawa ke Hospital Kulim untuk bedah siasat.

"Ketika kejadian, suami mangsa tidak ada di rumah kerana ber-

kursus," katanya.

Menurutnya, dar: siasatan awal dijalankan mendapati suami mangsa tidak mengetahui isterinya hamil.

"Suami mangsa memaklumkan bahawa isterinya mengambil suntikan pencegahan kehamilan sebelum iri. Bagaimanapun mangsa ada mengadu kepada suaminya bahawa dia sakit perut dan mungkin hendak datang bulan beberapa jam sebelum ditemui mati.

"Pihak polis akan menyiasat punca kematian mangsa dan bayi yang ditemui di dalam bilik air ini," katanya.



GHUZLAN

Maut nahas babitkan tiga kereta



Keadaan remuk salah sebuah kereta yang terlibat dalam kemalangan ngeri di Kilometer 12, Jalan Kuantan - Kemaman.

KUANTAN, Pahang - Seorang lelaki maut dalam kemalangan membabitkan tiga kereta di Kilometer 12, Jalan Kuantan - Kemaman, dekat sini, semalam.

Dalam nahas kira-kira jam 10 pagi itu, mangsa, Muhammad Fakhul Razi Awang, 24, yang duduk di bahagian penumpang hadapan maut di tempat kejadian selepas mengalami cedera parah.

Pegawai Penguat kuasa Tadbir/Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, Asisten Superintendan Zainalabidin Othman berkata,

siasatan awal mendapati kemalangan berlaku apabila sebuah kenderaan jenis Proton Iswara yang datang dari arah Kuantan menuju ke Kemaman cuba memotong kenderaan lain di hadapannya.

Menurutnya, cubaan memotong kenderaan lain itu menyebabkan kereta terbabit masuk ke laluan bertentangan dan bertembung dengan sebuah kereta lain jenis Proton Perdana.

"Ketika kejadian, sebuah lagi kereta jenis Proton Wira yang berada di belakang kereta Proton Perdana itu tidak sempat menekan brek

lalu merempuh bahagian belakang kereta berkenaan," katanya.

Zainalabidin berkata, mayat mangsa dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) untuk bedah siasat.

"Orang ramai yang melihat kejadian atau mempunyai sebarang maklumat mengenai kemalangan itu diminta tampil untuk membantu siasatan polis dengan menghubungi mana-mana baki bernampiran," katanya.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

'Jangan tarik...saya sakit!'

Pemandu lori merintah tahan derita sejam dihempap kayu balak sebelum diselamatkan bomba

>>Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@hmetro.com.my

SEREMBAN: "Tolong jangan tarik saya, sakit," rintih seorang pemandu lori balak yang terpaksa menahan azab hampir sejam selepas dihempap kayu balak apabila lori dinaiki membawa muatan hasil hutan itu terbalik di Jalan Seremban-Jelebu di Bukit Tangga, di sini, semalam. Dalam kejadian jam 3 petang itu, lori balak dipandu mangsa bersama seorang kelindan dalam perjalanan dari Jelebu ke Gemencheh dipercayai menarun bukit di satu selekoh apabila hilang kawalan dan terbabas sebelum merempuh lereng bukit lalu berkenaan.

Bagaimanapun, kelindan lori, V Radakrishnan, 48, dapat dikeluarkan orang ramai sebelum dikejarkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban (HTJS) oleh ambulans manakala identiti pemandu lori belum dikenal pasti.

Saksi kejadian, Amirul Haziq Amir, 18, berkata, ketika kejadian dia yang menunggang motosikal sendirian dalam perjalanan menghala ke Seremban terkejut sebaik melihat lori balak itu terbalik di lereng bukit.



SAKIT...pemandu lori yang tersepit diselamatkan anggota bomba selepas menahan sakit hampir sejam.

"Saya berhenti di tepi jalan dan cuba membantu mangsa, namun tidak berjaya berikutan dia tersepit teruk di bawah timbunan balak. "Malah, pemandu itu mengerit kesakitan meminta to-

long membuatkan saya terus menghubungi talian kecemasan untuk bantuan," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, di sini, semalam. Sementara itu, jurucakap

polis berkata, kejadian itu menyebabkan Radakrishnan patah kaki dan sempat dikeluarkan orang ramai manakala pemandu yang tersepit di tempat duduk dan di bawah timbunan balak di-

keluarkan sejam kemudian.

"Usaha menyelamatkan mangsa mengalami sedikit kesukaran berikutan badan mangsa terhimpit balak manakala kaki kiri tersepit di tempat duduk pemandu.

"Akibat kesakitan, mangsa merintih dan mengerit kesakitan apabila pasukan penyelamat bertindak menarik tubuhnya untuk dikeluarkan dari celahan balak," katanya.

Pegawai Operasi Kanan Balai Bomba dan Penyelamat Seremban, A Gonaseian berkata, pihaknya menerima laporan kira-kira jam 3.04 petang sebelum tiba di lokasi setengah jam kemudian.

"Tiba di lokasi kejadian kelindan lori itu dapat dikeluarkan dari kenderaan berkenaan dengan bantuan orang ramai sebelum dikejarkan ke HTJS oleh ambulans.

"Manakala, pemandu lelaki berusia 30-an tersepit di bahagian pemandu dan dihimpit batang balak yang terjatuh. Kami mengambil masa hampir sejam untuk mengeluarkan mangsa yang cedera dipercayai patah kaki kiri sebelum dikejarkan ke HTJS," katanya.

Katanya, usaha menyelamatkan mangsa mengambil masa berikutan terpaksa berhati-hati bimbang batang balak yang menghempap mangsa akan bergolok dan menyulitkan lagi usaha penyelamat.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Mohd Yusoff Awang mengesahkan menerima laporan kemalangan itu.



USUNG...mayat mangsa diusung selepas dikeluarkan dari bawah lori pasir di Jalan Salor-Pasir Mas, dekat Tunjung, semalam.

Mayat terperosok bawah lori pasir

KOTA BHARU: Sebuah kren terpaksa digunakan untuk mengangkat sebuah lori pasir bagi mengeluarkan mayat seorang penuda yang terperosok di bawah kenderaan itu selama lebih satu jam selepas terbabit dalam kemalangan di Jalan Salor-Pasir Mas, dekat Tunjung, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 10.20 pagi itu, Basri Ismail, 21, meninggal dunia di tempat kejadian dalam keadaan menge-

rikannya apabila kepalanya pecah dan serpihan otaknya terpacak dikutip anggota bomba.

Mayat mangsa dibawa ke Rumah Mayat Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, dekat sini, sebelum dituntut keluarga untuk dikebumikan.

Ketika kejadian, mangsa dikatakan dalam perjalanan dari Kota Bharu ke Pasir Mas dengan menunggang motosikal jenis Honda Wave apabila sebuah lori pasir dari

Pasir Mas ke Kota Bharu terbabas akibat tayar depan pecah secara tiba-tiba lalu memasuki laluan bertentangan dan merempuhnya.

Rempuhan itu menyebabkan mangsa terperosok di bawah lori berkenaan.

Sepasukan pegawai bersama anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Kelantan bergegas ke tempat kejadian sejurus menerima panggilan kecemasan dan terpaksa meminta bantuan pe-

milik kren mengangkat lori bagi mengeluarkan mangsa.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Azham Othman ketika dihubungi mengesahkan laporan kemalangan itu dan disiasat mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



Nasib baik tayar kereta dilarikan pecah

KUALA LUMPUR: Seorang penjual telefon bimbit bernasib baik apabila dia yang dilarikan sekumpulan penjenayah bersama keretanya jenis Toyota Vios akhirnya ditinggalkan di sebuah kawasan kira-kira dua kilometer dari lokasi kejadian selepas tayar keretanya pecah, kelmarin.

Difahamkan, mangsa berusia 21 tahun baru saja keluar dari rumahnya berdekatan Jalan Cheras kira-kira jam 12 tengah malam sebelum didatangi sebuah van dinaiki sekumpulan lelaki.

Sumber polis berkata, mangsa yang risau selepas melihat kumpulan lelaki itu keluar dari keretanya cuba masuk semula ke dalam rumah namun terantui apabila beberapa lelaki itu meluru dan menariknya masuk ke dalam kereta miliknya.

Menurutnya, selepas memecut laju ke arah Kajang,

seorang daripada lelaki itu mengacukan pisau ke leher mangsa sebelum memintanya membayar RM10,000 jika mahu dibebaskan.

"Mangsa kemudian menelefon rakannya untuk meminta bantuan kewangan sebelum rakan mangsa bersetuju dan memintanya menunggu di hadapan sebuah bank di Taman Connaught untuk menyerahkan RM5,000.

"Ketika hendak berjumpa dengan rakan mangsa, kumpulan lelaki terbabit mengesyaki rakan mangsa ada menghubungi polis memaklumkan kejadian itu menyebabkan mereka panik dan terus memecut laju.

"Rakan mangsa mengejar kenderaan itu hingga ia terbabas," katanya.

Katanya, dengan bantuan polis peronda, mangsa dibawa ke Balai Polis Pudu untuk membuat laporan, kira-kira jam 4 pagi.

Stok tudung Aidiladha hangus

Lot kedai terminal bas MBKT terbakar



Beginilah keadaan lot kedai kain pasang dan tudung yang hangus dalam kebakaran di lot kedai Terminal MBKT, di sini, tengah malam kelmarin.

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU - Dua peniaga berputih mata apabila kesemua stok kain pasang dan tudung yang akan dijual sempena Aidiladha ini hangus sama sekali dalam satu kejadian kebakaran di lot kedai di Terminal Bas Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), tengah malam kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 12.40 tengah malam itu yang dipercayai

berpunca daripada litar pintas telah menyebabkan dua lot kedai menjual kain pasang dan tudung musnah, manakala sebuah lot kedai lagi sempat diselamatkan.

Ketua operasi merangkap Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kota, Azmi Salleh berkata, dengan kekuatan seramai 25 anggota, pihaknya berjaya mengawal api daripada merebak ke 16 lot kedai lain di bangunan berkenaan.

"Kami mengambil masa selama 10 minit mengawal kebakaran dan pada masa sama terpaksa menggunakan gergaji besi untuk memotong pintu utama bagi memasuki lot kedai berkenaan.

"Kejadian pertama kali berlaku di sini sepanjang beroperasi tidak menghalang operasi bas dan masih boleh berjalan seperti biasa," katanya yang turut menjelaskan nilai kerugian masih dalam siasatan.

FOTO | Hamzah Osman

3 beranak hilang rumah

LANGKAWI - Tiga beranak tinggal sehelai sepinggang selepas rumah papan didiami mereka musnah dalam kebakaran di Kampung Batu Gajah, Mukim Ayer Hangat, di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian jam 9.45 malam itu kerana semua penghuni tiada di rumah dan masih gagal dikesan hingga kini.

Kebakaran itu disedari penduduk dikenali sebagai Mat Daud yang melalui rumah

berkenaan untuk ke kedai runcit berhampiran.

Mat Daud berkata, dia melihat api marak membakar dinding rumah didiami tiga beranak itu ketika menunggang motosikal untuk ke kedai runcit.

"Bagaimanapun, ketika kejadian tiada sesiapa dilihat dalam atau berdekatan rumah lalu saya menelefon talian 999 meminta bantuan," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Ketua Bomba dan Penyelamat Zon Langkawi, Mohd

Yunos Ibrahim berkata, pihaknya menerima panggilan jam 9.50 malam sebelum dua jentera bersama 17 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Langkawi dikejarkan ke tempat kejadian.

Menurutnya, sebaik tiba, pihaknya mendapati rumah terabit sudah hangus manakala penghuninya gagal dikesan.

"Api dapat dipadam sepenuhnya dalam 15 minit manakala punca kebakaran dan jumlah kerugian masih disiasat," katanya.



SIRAM, anggota bomba memadam kebakaran rumah terabit, semalam.



TERBAIK...(dari kiri) Mohammad Hanis, Mohamad Norridzuan dan Muhammad Shahrin beramah mesra sambil memegang anugerah pelatih terbaik di Akademi Bomba dan Penyelamat, Malaysia Wakaf Tapai, Marang.

Bomba siap sedia hadapi banjir

MARANG: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan menggerakkan pengangkutan darat, laut dan udara miliknya ke tempat yang memerlukan khidmat mereka pada musim tengkujuh tidak lama lagi.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim berkata, pihaknya sudah mengeluarkan arahan kepada anggota JBPM di seluruh negara untuk bersiap sedia menghadapi banjir dijangka bermula hulan depan termasuk mempergiatkan latihan dan

menyelenggara pelbagai peralatan menyelamat.

"JBPM kini mempunyai lebih 500 bot di seluruh negara yang boleh digerakkan ke mana-mana lokasi mengikut keperluan setmpat selain lori untuk kawasan yang hanya boleh dilalui kenderaan berat.

"Bagi tempat yang teruk dinaiki air dan tidak dapat diakses pula kami akan gunakan tujuh helikopter milik JBPM untuk menghantar bekalan makanan dan logistik selain memindahkan mangsa banjir," katanya paca sidang

media selepas menyempurnakan Majlis Tamat Latihan Kursus Sijil Sains Kebombaan Sisi 1/2012 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, di sini, semalam.

Menurutnya, JBPM akan bekerjasama dengan pelbagai agensi berkaitan seperti polis, tentera, hospital, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu mangsa banjir seperti diputuskan dalam mesyuarat pelarasan tugas di peringkat persekutuan

dan negeri.

Sebelum itu pada majlis sama, 276 pelatih membabitkan 266 lelaki dan 10 wanita berjaya menamatkan latihan dalam Kursus Sijil Sains Kebombaan Sisi 1/2012 selama empat bulan setengah.

Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan dimenangi Mohamad Norridzuan Nordin, 22, manakala Pelatih Terbaik Teori dirangkul Muhammad Shahrin Razali, 20. Mohammad Hanis Mansor Rosli, 23, pula dipilih sebagai Pelatih Terbaik Praktikal.

Pelajar buang bayi ke dalam sungai

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN
faizal.nazaruddin@kosmo.com.my

KANGAR - Dua remaja lelaki berusia 17 tahun ditahan kerana diyakini membuang bayi yang baru dilahirkan oleh seorang pelajar perempuan sekolah agama yang ugara rakan sebaya mereka ke dalam sungai di sini malam kelmarin.

Bayi perempuan yang cukup sifat itu dicampak dua remaja terbabit dari sebuah titi ke dalam Sungai Berembang di Kampung Behor Rotan Pahit, Simpang Empat di sini kira-kira pukul 920 malam.

Ketua Polis Perlis, Senior Asisten Komisioner Zull Aznam Harun berkata, dua suspek tersebut iaitu seorang sepupu serta teman lelaki kepada pelajar perempuan yang melahirkan bayi itu dan ketiga-tiga mereka bersekolah di tingkatan lima sebuah sekolah menengah agama di sini.

"Komplot mereka terbongkar setelah ibu bayi tersebut mengaku



ZULL AZNAM (kanan) membawa mayat bayi perempuan yang dipercayai dibuang dua remaja di Sungai Berembang, Simpang Empat, Kangar semalam.

kepada doktor yang merawatnya setelah pelajar itu mengalami komplikasi pendarahan selepas melahirkan bayi itu.

"Ekoran itu, doktor berkenaan

memaklumkan kepada polis. Siasatan dijalankan serta-merta sehingga penahanan dua remaja terbabit dan mencari lokasi bayi tersebut dibuang," katanya kepada

pemberita di sini semalam.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai operasi mencari bayi berkenaan di sungai tersebut yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba) Perlis.

Hadir sama Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri, Superintendan Mokd. Nashir Ya.

Menurut Zull Aznam, bayi perempuan tersebut dijumpai kira-kira 1.15 pagi oleh unit penyelamat bomba bertampiran titi tempat suspek membuang bayi itu setelah empat jam operasi mencari dijalankan.

Mengulas kelahirannya, bayi perempuan itu, jelasnya, pelajar perempuan terbabit telah melahirkan bayi berkenaan di rumahnya yang terletak kira-kira tiga kilometer dari tempat pembuangan di sungai tersebut.

"Selepas bayi perempuan tersebut dilahirkan, ibu berkenaan menyerahkan kepada dua rakan-nya itu untuk membuang anaknya ke dalam sungai," ujarnya.

Menurut beliau, pelajar perempuan itu kemudian dibawa ke Hospital Tuanku Fauziah (HTF) oleh ibu lapanya bagi mendapatkan rawatan setelah mengalami pendarahan yang banyak ekoran melahirkan bayi tersebut di rumah mereka.

"Ketika mendapat rawatan di HTF, akhirnya pelajar perempuan itu mengaku telah melahirkan anak dan membuang bayi itu di sungai dan dia kini ditahan untuk membantu siasatan," ujarnya.

Tambah Zull Aznam, kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dan beliau akan memastikan siasatan menyeluruh bagi membawa semua pihak yang terlibat dalam pembuangan bayi itu ke muka pengadilan.

Tambahnya, dua suspek tersebut ini ditahan reman bagi membantu siasatan dan polis turut menahan ibu dan bapa pelajar perempuan itu petang semalam untuk membantu siasatan.

Mayat 'terbang'

Kereta dinaiki tiga sahabat langgar penghadang jalan

>>Oleh Shahrul Nizam
Mohamad
am@hmetro.com.my

TEMERLOH: Seorang lelaki maut dalam keadaan mengerikan selepas tercampak dari kenderaan dinaiki sebelum mayatnya ditemui dalam semak, kira-kira 10 meter dari kenderaannya di Kilometer 104.6, Lebuhraya Pantai-Timur, Lanchang, dekat sini, pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.58 pagi itu, mayat Low Yee Yam, 34, dari Lorong Dato Yusof Shahbudin, Taman Mewah Jaya, Klang, Selangor ditemui maut dalam semak oleh anggota Balai Bomba dan Penyelamat Lanchang.

Dua lagi rakannya, pemandu, Can Kai Lun dari Kampung Baru Kerdau, dekat sini, bersama penumpang depan Tan Teh Kang dari Fekar Kerdau, dekat sini, masing-masing berusia 25 tahun turut terbunuh di tempat kejadian.

Pemangku Ketua Polis Daerah, Superintenden Zundin Mahmood, berkata sebelum kejadian, tiga sahabat terbabit menaiki sebuah Proton Wira dalam perjalanan menghala ke Kuala Lumpur dari Temerloh sebelum terbabas melanggar penghadang besi.

Menurutnya, akibat rempuhan berkenaan, kenderaan dinaiki mangsa dipercayai berpusing beberapa kali sebelum melintang di tengah jalan.

Katanya, siasatan turut mendapati pada masa sama seorang ahli perniagaan berusia 52 tahun yang dalam perjalanan menghala ke Kuala Lumpur dari Temerloh dipercayai tidak meny-



NGERI...mayat dua sahabat yang maut selepas kereta dipandu hilang kawalan.



LOW YEE YAM



TAN TEH KANG

dari kenderaan mangsa melintang di tengah jalan sebelum merempuh kenderaan itu.

"Dua mayat mangsa yang ditemui tersepit dalam kenderaan dikeluarkan oleh anggota Bomba dan Penyelamat Lanchang sebelum satu lagi mayat yang tercam-

pak dalam semak ditemui beberapa minit kemudian sebaik saja keadaan cuaca cerah.

"Hasil pemeriksaan dijalankan di tempat kejadian, polis kemudian menemui kesan brek dipercayai tayar kenderaan mangsa sebelum kesan kemek pada pengha-

dang jalan akibat rempuhan kenderaan dipandu Kai Lun," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, semua mayat mangsa kemudian dibawa ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hosah), di sini, untuk bedah siasat dijalankan sebelum dituntut keluarga masing-masing, petang semalam.

Bagaimapun, katanya, pemandu Toyota Harier bersama isteri berusia 30 tahun serta anaknya berusia lima tahun disahkan tidak mengalami sebarang kecederaan sudah membuat laporan berhubung kejadian itu di Balai Polis Trafik Mentakab, petang semalam.

Zundin berkata, polis masih meneruskan siasatan berhubung kejadian terbabit mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

28.10.2011



Anggota bomba **meninju keadaan mesin ATM** yang dibakar dalam kejadian cubaan samun di Dataran Mentari PJS 8/12, Petaling Jaya, semalam. (FOTO ADI SAFRI/BH)

Perompak lepas geram bakar ATM

Petaling Jaya: Sekumpulan perompak membakar mesin ATM sebuah bank di Dataran Sunway Mentari, di sini semalam sebelum melarikan diri, dipercayai bengang gagal mengeluarkan kotak simpanan wang dari mesin itu.

Dalam kejadian sekitar jam 4.57 pagi itu, suspek dipercayai lebih dua lelaki, memasuki kios bank menempatkan empat mesin penyimpanan dan pengeluaran wang sebelum dikatakan mengumpul dan memecahkan dua mesin ATM di situ.

Selepas berjaya mem-

buka kotak mesin terbabit, mereka bagaimanapun dipercayai gagal mengeluarkan kotak berisi wang dari dalam mesin berkenaan menggunakan gas oksigen, lalu bertindak membakar kedua-duanya.

Bunyi sistem penggera

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisyoner Arjunaidi Mohamed, berkata suspek kemudian menandakan ciri selepas sistem penggera keselamatan bank berkenaan berbunyi kira-kira jam 4.12 pagi sebaik mesin ATM itu dirosakkan dan dibakar.

"Syarikat keselamatan yang menerima isyarat, bergegas ke lokasi dan mendapati dua daripada mesin ATM terbakar dipercayai akibat perbuatan khianat. Kedua-dua mesin ATM itu rosak teruk akibat dibakar dan turut ditemui di situ, pemetik api serta bekas botol berisi petrol yang dipercayai digunakan suspek," katanya.

Katanya, siasatan masih dijalankan termasuk berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan kesan cap jari untuk mengesan penjenayah terbabit.

Tersepit lima minit

KOTA BHARU: "Bunyi brek begitu kuat sebelum saya terdengar dentuman kuat dari arah jalan," kata pekerja stesen minyak, Mohd Fendi Ismail, 21, mengenai kemalangan membatikan dua kereta di Jalan Sultanah Zainab berhampiran stesen minyak Petronas, di sini, malam kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 8.50 malam itu dipercayai berlaku apabila kereta jenis Mitsubishi Lancer dari arah pasar raya Tesco ke Jalan Gajah Mati, di sini, secara tiba-tiba berpusing dan hilang kawalan lalu terbabas merempuh sebuah kereta Proton Iswara dari arah bertentangan.

Kemalangan itu menyebabkan seorang wanita tersepit kira-kira lima minit sehingga terpaksa dikeluarkan anggota bomba dan penyelamat menggunakan alat pemotong khes.

Menurut Mohd Fendi, sebelum kejadian dia bertugas di kaunter bayaran stesen minyak terbabit dan keadaan agak gelap.

Katanya, keadaan jalan juga begitu sibuk memandangkan orang ramai masih bercuti Aidiladha.



REMUK
...keadaan dua kereta yang terbabit kemalangan.

"Saya tidak nampak apa yang berlaku kerana ketika itu sedang bekerja. Cuma tiba-tiba saja terdengar bunyi kuat sebelum bergegas ke tempat kejadian yang berlaku di hadapan stesen minyak."

"Keadaan kereta remuk teruk dan mangsa juga tersepit dalam kenderaan masing-masing sebelum orang-

awam menghubungi bomba dan penyelamat," katanya.

Sementara itu, Ketua Operasi Bomba dan Penyelamat Kota Darul Naim, Ahmed Radi Ibrahim berkata, pihaknya menerima panggilan orang ramai pada jam 8.56 malam sebelum tiba ke tempat kejadian empat minit kemudian.

Pasangan maut rumah terbakar

» Kekasih dipercayai gaduh sebelum berlaku letupan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohdiskendar@bharian.com.my

Johor Bahru

Sepasang kekasih ditemui mati dipercayai lemas selepas terperangkap dalam kebakaran rumah mereka di Jalan Bentara, Polo Park, di sini, jam 11 pagi, semalam.

Mayat Ang Lye Hock, 52, warga Singapura ditemui di bilik air, manakala mayat kekasihnya, Angielee Ambruse, 29, dari Sabah ditemui tersepit antara pintu rumah dan kabinet televisyen.

Bertengkar sebelum kejadian

Menurut saksi, kedua-dua mangsa didengar sedang bertengkar sebelum berlaku letupan kecil yang menyebabkan unit bawah bangunan tiga tingkat menempatkan kediaman berkonsep 'town house'

diciami pasangan itu terbakar. Beberapa jiran yang mendengar letupan terbabit cuba menyelamatkan pasangan berkenaan namun, gagal kerana api marak.

Ketua Zon Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Johor Bahru, Raja Saiful Iswandi Raja Hassan, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada pengawal keselamatan perumahan terbabit jam 11.15 pagi dan tiba di tempat kejadian 10 minit kemudian.

Sepasukan 18 anggota bomba bersama tiga jentera tiba di lokasi jam 11.25 pagi dan berjaya memadamkan kebakaran.

“Siasatan awal mendapati kebakaran bermula di bahagian dapur sebelum merebak ke seluruh kediaman berkenaan”

Raja Saiful Iswandi Raja Hassan,
Ketua Zon Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Anggota bomba melakukan kerja penyelamat dalam kebakaran yang merogut nyawa sepasang kekasih di Jalan Bentara, Polo Park, Johor Bahru, semalam.

(FOTO HARUL ANUAK RAHIM/BH)

sepenuhnya 20 minit kemudian sebelum merebak ke unit lain.

Kebakaran bermula dari dapur

“Siasatan awal mendapati kebakaran bermula di bahagian dapur sebelum merebak ke seluruh kediaman berkenaan,” katanya, semalam.

Sementara itu, Pemangku Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Superintendan Abdul Samad Salleh, berkata kedua-dua mangsa dipercayai meninggal dunia akibat sesak

nafas dan mayat mereka dihantar ke Hospital Sultanah Amirah untuk bedah siasat.

“Kes diklasifikasi sebagai mati mengejut dan Unit Forensik polis bersama bomba masih menyiasat untuk mengena-pasti punca kejadian,” katanya.

Jiran mangsa, Baharudin Saffri Ahsan, 46, yang tinggal di depan rumah mangsa, mendakwa terdengar Lye Hock dan Angielee seperti sedang bertengkar sebelum berlaku letupan kecil, disusuli kebakaran kediaman berkenaan.

Dalam Negeri



ORANG ramai melihat mayat dua mangsa kemalangan maut di jambatan Pulau Pinang di Kilometer 1.6 menghala tanah besar selatan.

Keseronokan empat sekawan berakhir tragedi 3 maut di Jambatan Pulau Pinang

Oleh MALINDA ABDUL MALIK
utusanpinang@utusan.com.my

PULAU PINANG 28 Okt. - Keseronokan percutian empat sekawan sempena cuti perayaan terakhir dengan tragedi apabila kereta yang dinakili mereka merempuh tembok penghadang jambatan Pulau Pinang di Kilometer 1.6 menghala ke tanah mengotorkan tiga nyawa.

Dalam nahas pukul 3.15 pagi itu, mereda yang terbunuh adalah pemandu kereta Proton Perdana, Saifanizam Saif dari Selangor dan penumpang hadapan Muslim Idris dari Gombak. Kedua-duanya yang berusia 30-an meninggal dunia di ten-

pat kejadian akibat cedera parah. Seorang lagi yang turut maut sebagai Mai Linda berusia 18 tahun yang meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang (HPP) pukul 10.30 pagi ini.

Seorang lagi penumpang yang luca wanita warga Indonesia cedera parah dan dirawat di hospital sama. Jurucakap polis berkata, kesemua mangsa dalam perjalanan pulang ke Kuala Lumpur selepas bercuti di Pulau Muaraja sempena Hari Raya Aidiladha apabila kereta terbabit tiba-tiba hilang kawalan dan merempuh tembok berkecuan.

Katanya, anggota Bomba dan Penyelamat terpaksa mengsanbitmasa

hampir setengah jam untuk mengeluarkan mayat kedua-dua mangsa yang terserpi di bahagian hadapan kereta.

"Kita percaya kereta yang dipandu mangsa telah hilang kawalan terlebih awal berikutan terdapat kesan geseran tayar di permukaan jalan sejauh 150 meter dari tempat kejadian.

"Nujur terdapat tembok konkrit di jambatan itu dan jika tidak, kereta yang dipandu mereka sudah tentu terhempas ke dalam laut," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Katanya, mayat kedua-dua mangsa dibawa ke HPP untuk bedah siasat sebelum dituntut oleh ahli keluarga mereka.

Nenek, cucu, jiran maut nahas di lampu isyarat rosak

KUBANG PASU 23 Okt. - Tiga sekawan yang pulang daripada membeli-belah untuk persiapan menyambut Deepavali maut dalam kemalangan melibatkan dua buah kereta di persimpangan lampu isyarat di Taman Suria, Jalan Tunjeng Jitra di sini petang semalam.

Dalam nahas pukul 5.40 petang itu, mangsa, M. Kannigah, 61, dan G. Rathika, 29, yang merupakan jiran Kannigah, meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan teruk di bahagian badan.

Selain itu, cucu Kannigah, J. Tiyaanshemi, 13, yang merupakan pelajar perempuan Sekolah Menengah Kelangsaan (SMK) Convent Bukit Mertajam disahkan meninggal dunia di Hospital Jitra. Kesemua mereka menaiki sebuah kereta Proton, swara yang dipandu oleh D. Sivaprakash, 33, yang juga suami Rathika.

Turut menaiki kereta sama adalah anak perempuan pasangan tersebut, S. Jayanti, 5, dan cucu Kannigah, J. Jegathiswaran, 16.

Ketua Polis Daerah Kubang Pasu, Supritendan Ibrahim Mord Yusoff berkata, mereka yang tersekat dalam kejadian itu mengalami kecederaan termasuk Jenghiswaran yang parah dan kesemuanya dirawat di Hospital Jitra.

"Siasatan mendapati kereta dipandu Sivaprakash dikatakan berseles dengan sebuah kereta lain sebagai guna (MPV) Proton Exora sebagai sahaja tiba di lokasi kejadian lalu hilang kawalan dan merempuh tiang lampu isyarat sebelum tebalak.

"Penaicua serta anggota keluarga Proton Exora itu bagai manapun hanya cedera ringan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurut Ibrahim lampu isyarat di persimpangan berkenaan yang tidak berfungsi sejak awal pagi semalam dikatakan punca berlakunya kemalangan tersebut termasuk dua nahas lain sebelum itu.

"Mayat ketiga-tiga mangsa di-



STORANG ahli keluarga mangsa kemalangan maut tidak dapat menahan kesedihan di rumah mayat Hospital Jitra, Kubang Pasu, semalam.

hantar ke Hospital Jitra untuk dipedaghi siasat sebelum dituntut keluarga masing-masing," jelasnya.

Anak Kannigah, K. Jeewaratham, 40, berkata, dia sedih kerana kehilangan tiga orang tersayang termasuk dua anaknya sekali gus.

"Sebelum ini, dua anak saya itu tidak pernah bersempitan pergi berjejak jauh tanpa saya. Semalam, nenek mereka berjanji nak bawa juga dua cucunya tetapi tidak sangka berakhir dengan tragedi," ujarnya.

Rumah terbakar selepas lelaki Singapura bergaduh dengan kekasih dari Sabah

Pasangan kekasih mati terbakar

JOHOR BAHRU - Sepasang kekasih maut dipercayai akibat sesak nafas selepas rumah mereka di Poo Park, Jalan Bentara Luar Satu di sini mengalami kebakaran semalam.

Kebakaran yang dipercayai berpunca dari bahagian belakang rumah jenis rumah bandar itu berlaku pada pukul 11 pagi dan menyebabkan kedua-dua mangsa, Ang Lye Hock, 52, dan Angielee Ambrose, 29, meninggal dunia di tempat kejadian.

Difahamkan, Lye Hock yang merupakan rakyat Singapura dan Angielee yang berasal dari Sabah sebelum itu dipercayai bertengkar di dalam sebuah bilik di rumah berkenaan sebelum berlaku kebakaran.

Seorang jiran mangsa yang juga pengurus bangunan berkenaan, Baharudin Saifri Aksan, 46, berkata, kejadian disedari ketika dia berada

Saya dengar orang bergaduh tetapi buat tidak tahu. Bagaimanapun, saya kemudian mendengar bunyi letupan dan kelihatan asap tebal

BAHARUDIN SAIFRI AKSAN

di balkoni untuk membersihkan penyaman udara rumahnya yang terletak berhadapan dengan rumah pasangan itu.

"Pada mulanya saya dengar orang bergaduh tetapi saya buat tidak tahu kerana sering mendengar pasangan itu bergaduh sebelum ini. Bagaimanapun, saya kemudian mendengar bunyi letupan dan kelihatan asap tebal dari rumah tersebut.

"Saya bergegas turun dan cuba memberi bantuan dengan membuka pintu rumah ber-

kennan namun gagal kerana pintu tersebut dikunci dari dalam dan Angielee mungkin telah pingsan. Api semakin marak dan jiran yang lain juga cuba membantu tetapi tidak berjaya," cerita Baharudin.

Sementara itu, Pemaing Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan,



LYE HOCK



ANGIELEE



KEADAAN rumah yang terbakar dan menyebabkan sepasang kekasih maut di Poo Park, Jalan Bentara Luar Satu, Johor Bahru semalam.

Superintendan Abdul Samad Salleh berkata, pihaknya difahamkan kedua-dua mangsa bertengkar sebelum kedegaran bunyi sesuatu benda meletup.

Menurut beliau, siasatan awal polis tidak menemui sebarang unsur jenayah terhadap kebakaran

itu dan kes berkenaan diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

Ketua Zon Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor Bahru, Raja Saiful Iswandi Raja Hassan pula berkata, pihaknya dimaklumkan mengenai kejadian itu pada pukul 11.15 pagi dan tiga jentera bersama

18 anggota bomba tiba di tempat kejadian 10 minit kemudian.

Beliau berkata, api cipadam sepenuhnya pada pukul 11.50 pagi dan mayat Angielee ditemui di ruang tamu manakala mayat Lye Hock ditemui di bilik mandi.

- Bernama

Penjenayah bakar mesin ATM

Oleh NASRIL FAIZ ABU AZAL
faiz.abu@kosmo.com.my

PETALING JAYA - Dua penjenayah yang geram selepas cubaan mereka mengopok mesin pengepahan wang automatik (ATM) menggunakan gas oxy-acetylene (oxy) di kawasan Ambank di Dataran Mentari di sini gagal bertindak membakar mesin ATM tersebut.

Semasa kejadian pada pukul 4 pagi, dua buah mesin ATM tersebut rosak dengan sebuah mesin mempunyai kesan 80 peratus terbakar. Dua buah lagi mesin ATM yang diletakkan di situ tidak di-usik atau mengalami apa-apa kerosakan.

Cubaan rompakan itu dipercayai melibatkan lebih daripada dua penjenayah yang terlebih dahulu mengumpul pintu besi pada mesin ATM tersebut menggunakan tukul kuku kambing.

Selepas berjaya mengumpul pintu besi pada dua buah mesin ATM tersebut menggunakan tukul kuku besi, penjenayah kemudian cuba memotong besi tempat menyimpan wang di dalam kedua-dua buah mesin ATM tersebut menggunakan gas oxy.

Bagaimanapun, cubaan penjenayah itu gagal apabila asap yang terhasil daripada penggunaan gas oxy itu mengaktifkan alat pengesan asap yang mengaktifkan alat penggera di bank berkenaan.

Berang dengan bunyi alat penggera itu, penjenayah terbabit mencurahkan minyak petrol pada



ANGGOTA bomba memeriksa kesan kebakaran dua buah mesin ATM yang cuba disamun di Dataran Mentari, Petaling Jaya semalam.

kedua-dua buah mesin ATM tersebut dan membakarnya.

Penjenayah itu terpaksa melarikan diri dengan tangan kosong.

Timbalan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Superintendan Tuah Nasrom berkata, syarikat pemketal alat penggera bank itu dengan bantuan empat anggota polis yang pergi ke lokasi kejadian cuba memadamkan api yang membakar dua buah mesin ATM tersebut tetapi gagal.

Menurut beliau, polis kemudian menghubungi bomba dan penyelamat dari Subang Jaya sebelum api tersebut kemudian dapat dipadam pada pukul 5.10 pagi.

"Pemeriksaan polis mendapati terdapat empat buah mesin ATM di dalam bank tersebut. Sebuah daripada mesin ATM itu terbakar 80 peratus manakala sebuah lagi mengalami sebahagian kerosakan. Dua buah mesin ATM lagi tidak diusik," kata beliau.

Tuah memberitahu, polis menemui satu botol plastik berisi minyak petrol, pemetik api dan beberapa kesan cap jari pada pintu bank tersebut.

"Polis cuba untuk mendapatkan televisyen kamera litar tertutup yang dipasang dalam bank berkenaan," kata beliau.

Wang dalam mesin ATM yang terbakar tidak hangus.

Warga emas mati dihentak dumbell 10 kilogram

Warga emas berusia 60 tahun meninggal dunia akibat dihentak dumbell 10 kilogram semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

Anak lelaki wanita ditemui mati direman

SHAH ALAM - Polis menahan anak lelaki kepada warga emas yang mayatnya ditemui di bawah timbunan baju selepas dipercayai dihentak menggunakan pengangkat besi seberat 10 kilogram di rumahnya di Jalan Spektrum U16/22, Bukit Subang di sini kelmarin.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (Perundangan) Selangor, Asister Komisyoner Rusdi Mohd. Isa berkata, anak mangsa yang berusia 28 tahun itu direman lima hari sehingga 1 November ini bagi membantu siasatan kes tersebut.

Menurut beliau, suspek di-siasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksian iaitu membunuh.

"Pemeriksaan di dalam rumah mangsa mendapati sebuah peti besi menyimpan barang-barang dipercayai milik mangsa sudah dikopok," kata beliau ketika dihubungi di sini.

Rusdi memberitahu, polis

percaya rumah terbabit tidak dipecah masuk kerana tiada kesan diumpil.

Kosmo! semalam melaporkan, mayat Teh Kin Gook, 60, yang cedera parah di kepala ditemui anak saudaranya dalam keadaan berlumuran darah di bawah tonggokan baju di dalam bilik tidur utama di tingkat atas rumah tersebut pada pukul 1.30 petang.

Ibu tunggal itu tinggal di rumah tersebut bersama seorang anak lelakinya yang berusia 28 tahun dan dua anak angkatnya masing-masing berusia 10 bulan dan dua tahun.

Bagaimanapun, semasa mayat mangsa ditemui, anak lelaki mangsa tiada di rumah kerana dikatakan berada di rumah teman wanitanya di Cheras, Kuala Lumpur sejak pagi Khamis lalu.

Turut dibawa bersama ke Cheras, dua anak angkat mang-

sa.

Terperosok dalam kereta

Wanita, anak maut kenderaan dirempuh bas

>>Oleh Mohd Jamil Anbia
Md Denin dan Wan Asrudi
Wan Hasan
am@hmetrc.com.my

TAPAH: Seorang wanita dan anak lelakinya terbunuh dalam keadaan ngeri selepas terperosok dan terselit dalam kereta selepas kenderaan itu dirempuh sebuah bas persiaran, awal pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 1.45 pagi itu, mangsa, Nurni Ahmad, 37, dan anak lelaki tunggalnya, Ikmal Daniel Abdullah, 7, ditemui pasukan bomba dan penyelamat dalam keadaan berlumuran darah di Kilometer 46, jalan Ipoh-Kuala Lumpur dekat Temoh, di sini.

Mangsa yang menandu Proton Saga dari Tapah untuk pulang ke rumahnya di Ipoh dikatakan bertembung dengan sebuah bas persiaran yang terbabas memasuki laluan bertentangan.

Pada masa sama, sebuah motosikal dari arah Tapah yang tidak sempat mengelak turut merempuh bahagian belakang kereta mangsa menyebabkan penunggang dan motosikalnya terpelanting masuk ke dalam kereta mangsa.

Abang mangsa, Sulaiman Ahmad, 37, yang ditemui di Unit Forensik, Hospital Tapah, di sini, berkata, nahas berlaku selepas Nurni selamat menghantar ibu mereka,

Saberiah Laman, 57, pulang ke kampung mereka di Behrang, kira-kira jam 10 malam.

Menurutnya, arwah yang rapat dengan ibu mereka dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Taman Pengkalan, Pasir Puteh, Ipoh.

"Arwah memang mesra dengan ibu dan sentiasa pulang ke rumah ibu di Kampung Sungai Behrang walaupun arwah tinggal di Ipoh.

"Setiap kali cuti panjang atau hujung minggu, arwah pasti pulang ke kampung, malah sering membawa ibu ke Ipoh sebelum menghantar ibu pulang ke kampung semula," katanya.

Katanya, dia cuma sempat bercakap dengan Nurni petang semalam (kelmarin), beberapa jam sebelum arwah menghantar ibunya pulang semula ke kampung.

"Saya hanya mengetahui tragedi yang berlaku semalam selepas dimaklumkan ahli keluarga. Saya terkilan dengan kejadian itu kerana Nurni amat mesra dan cukup rapat dengan adik-beradik yang lain.

"Malah, dia amat rajin membantu dan ringan tulang. Saya tidak pasti sama ada dia masih berkahwin atau sudah bercerai kerana arwah dan suaminya tinggal berasingan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tapah, Superintendan Somsak Din Keliaw yang

dihubungi berkata, kemalangan ngeri itu berlaku apabila bas persiaran dipandu dari arah Kampar ke Tapah, Perak, terbabas sebelum memasuki laluan bertentangan.

Menurutnya, bas berkenaan kemudian bertembung dengan kereta dinaiki dua beranak itu menyebabkan kereta mangsa berpusing lalu merempuh pula motosikal di belakangnya.

"Kemalangan itu menyebabkan Nurni dan anaknya, Ikmal Daniel, maut di tempat kejadian manakala penunggang motosikal itu cedera parah.

"Polis terpaksa mendapatkan bantuan anggota Bomba dan Penyelamat Tapah untuk mengeluarkan kedua-dua mangsa yang terselit. Usaha mengeluarkan mangsa mengambil masa lebih sejam sebelum operasi selesai sepenuhnya jam 2.40 pagi," katanya.

Beliau berkata, polis kemudian menahan pemandu bas berkenaan berusia 30-an untuk disoal siasat mengikut Seksyen 41(1), Akta Pengangkutan Jalan kerana disyaki memandu dalam keadaan cuai.



HANCUR...kereta dipandu mangsa selepas terbabit nahas ngeri, semalam.



MAUT...jenazah dua beranak dibawa keluar dari hospital.

IKMAL



REMUK...bahagian depan bas yang rosak teruk.

HM e-Paper



Untuk lebih ganjaran sila layari
subscription.nstp.com.my

Hilang tempat berteduh

Warga emas rugi RM220,000 rumah dibina 34 tahun musnah

ZAMATULUWITA
ABDULLAH

BACHOK, Kelantan — Seorang warga emas kerugian RM220,000 apabila rumahnya yang dibina 34 tahun lalu, musnah dalam kebakaran di Kampung Permatang Pasir, lewat petang kelmarin.

Mohd Nawi Mat Diah, 70, berkata, pada jam 6.30 petang, dia baru sahaja keluar ke padang ragut mencari rumput untuk ternakannya dan selepas beberapa minit, dia didatangi anak jirannya memaklumkan rumahnya terbakar.

"Apabila dimaklumkan kejadian itu, saya bergegas pulang dan mendapati separuh bahagian rumah sudah terbakar. Saya tidak sempat menyelamatkan apa-apa barangan kerana api

bermula dari bahagian tengah rumah dan merebak dengan cepat.

"Isteri saya, Makalsom Ibrahim, 61, berkata, ketika kejadian dia bersama salah seorang anak kami, Siti Suhana, 28, berada di dapur luar rumah kami yang terletak di belakang rumah. Mereka hanya menyedari kebakaran itu apabila api marak dan terdengar letupan dari tengah rumah," katanya kepada pemberita dekat sini semalam.

Katanya, semua dokumen penting seperti geran tanah, kereta dan motosikal tidak dapat diselamatkan.

Selain itu, puluhan ekor anab dan beberapa jenis ternakan lainnya turut hangus dalam kebakaran tersebut.

Malah kebakaran itu di-

katakan hanya mengambil masa 15 minit untuk memusnahkan struktur rumah binaan kayu cengal yang dibina pada 1978 ini.

Sementara itu, Pegawai Bomba dan Penyelamat Daerah Bachok, Ahmad Fakarudin Ibrahim berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian itu pada jam 6.52 petang dan tiba 16 minit kemudian.

"Fihak bomba dengan kekuatan dua jentera berszama enam anggota dari Bachok, tujuh bantuan dari Balai Bomba Keterah dan beberapa anggota sukarelawan berjaya mengawal api beberapa minit selepas tiba sebelum menamatkan operasi pada jam 8.25 malam.

"Punca kebakaran rumah jenis binaan sementara itu masih dalam siasatan," katanya.



Mohd Nawi bersama cucunya, Mohd Haikal Mohd Khairul Izwan, 12, melihat sisa kediaman mereka yang musnah dalam kebakaran di Kampung Permatang Pasir, lewat petang kelmarin.



IBADAH. Anggota pasukan Bomba dan Penyelamat Perak melapah daging korban pada program korban berkelompok di Jalan Kompleks Sukan di Ipoh semalam.

Api sampah bakar kereta, 3 motosikal

DUNGUN: "Saya tidak berani menghampiri tempat kejadian kerana bimbang kenderaan berkenaan meletup," kata Ariffin Ismail, 47, saksi kejadian kebakaran tiga motosikal dan sebuah kereta dipercayai berpunca daripada aktiviti pembakaran sampah secara terbuka di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), di sini, semalam.

Tiga motosikal Yamaha dan kereta Mitsubishi Galant milik nelayan itu ditinggalkan di tempat letak kenderaan di kompleks terbabit sebelum meletup turan ke laut menangkap ikan, pagi semalam.

Kejadian jam 2.25 petang

itu dipercayai berpunca daripada aktiviti pembakaran sampah secara terbuka dalam kawasan kompleks terbabit sebelum api merebak dan membakar semua kenderaan berkenaan.

Ariffin berkata, dia ternampak kepulan asap tebal dari arah kompleks berkenaan ketika dalam perjalanan masuk ke muara Kuala Dungun untuk menderatkan botnya.

Katanya, sebaik sampai di jeti, dia bergegas ke tempat kejadian dan mendapati kesemua kenderaan itu marak terbakar sebelum seorang rakannya menghubungi bomba. "Kami tidak dapat berbuat apa-apa kerana bimbang kenderaan yang terbakar itu



meletup dan mencederakan kami," katanya.

Ariffin berkata, dia percaya aktiviti pembakaran sampah 10 meter dari empat kenderaan berkenaan diletakkan menjadi punca kebakaran dengan api merebak membakar rumput kering sebelum menyambar kenderaan

terbabit. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Dungun, Nor Azizi Che Noh berkata, sepasukan lima anggota bomba bersama sebuah jentera bergegas ke tempat kejadian sebaik menerima panggilan mengenai kebakaran itu. "Sabai sampai di tempat

kejadian. keempat-empat kenderaan itu didapati musnah, tetapi anggota kami dapat menyelamatkan sebuah kereta Perodua Kancil dan sebuah motosikal yang turut berada di kawasan sama daripada disambar api.

"Kami percaya kebakaran itu berpunca daripada pem-

bakaran sampah secara terbuka di kawasan Kompleks LKIM terbabit sebelum api merebak dan membakar semua kenderaan itu," katanya.

Nor Azizi berkata, pihaknya masih menunggu semua nelayan terbabit pulang dari laut untuk meniai jumlah kerugian mereka.

FOTO | Reeli Iham Jamal

HANGUS
...anggota bomba memeriksa kenderaan yang musnah dalam kebakaran dipercayai berpunca daripada aktiviti pembakaran sampah secara terbuka berhampiran parkir di Kompleks LKIM Dungun, semalam.



skuar
cahna

Nik Muhi Rafiq Abd. Ghani
019 939 1369 / 019 939 1256

DUNGUN

KAWASAR LIPUTAN: Suro - Bit Besi - Rantau Abang - Paka - Jerangau - Bandar Al-Muktafi Billah Shah - Ketengah Jaya - Pesir Raja

Anak jerit rumah terbakar

Ibu tunggal hilang tempat tinggal

TELUKLIPAT - Seorang ibu tunggal terpaksa melalui ujian getir apabila rumah yang didiami bersama empat anak hangus dalam kebakaran dekat sini, pagi kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 10 pagi itu dipercayai berlaku ketika ibu tunggal berkenaan, Sharifah Sharuan Syed Idrus, 37, sedang menunggu majikannya di tepi jalan tidak jauh dari rumah, untuk ke tempat kerja sebelum dikejutkan dengan kehadiran anak perempuannya, Norisyah Kaffera Mohd Abdullah, 16, yang berlari sambil menjerit ke arahnya memberitahu bahawa rumahnya terbakar.

Sharifah Sharuan yang dalam keadaan cemas berlari

pulang untuk menyelamatkan harta benda, namun tidak mampu berbuat apa-apa berikutan api menjulang tinggi dan marak dengan cepat sebelum memusnahkan rumahnya.

"Ketika itu saya hanya mampu menangis melihat rumah saya ranap dalam kebakaran itu.

"Semua peralatan termasuk dokumen penting, pakaian sekolah anak arak serta wang tunai RM200 hangus," katanya yang bekerja sebagai tukang masak, di kantin sebuah syarikat swasta dekat Kerteli.

Sharifah Sharuan berkata, sebelum kejadian, dia sempat menghantar dua lagi anaknya

yang berusia lapan dan tiga tahun ke rumah ibunya, Tuan Zainab Hashim, 70, di sebelah rumahnya.

Katanya, biarpun kehilangan harta benda dalam tragedi tidak diduga itu, namun dia tetap bersyukur kerana mereka sekeluarga terselamat.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Dungun, Nor Azizi Che Noh berkata, sebuah jentera bersama tujuh anggota dikejarkan ke lokasi sebaik menerima panggilan kecemasan di bilik kawalan jam 10.07 pagi.

Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak bomba manakala kerugian dialami mangsa dianggarkan RM80,000.

Empat kenderaan rentung



Tiga buah motosikal dan sebuah kereta jenis Mitsubishi Galant rentung dalam kebakaran yang dipercayai berpunca daripada pembakaran terbuka, berdekatan Kompleks LKIM Kuala Dungun, petang kelmarin.

KUALA DUNGUN - Gara-gara sikap tidak bertanggungjawab, empat kenderaan termasuk tiga buah motosikal rentung dalam satu kebakaran yang dipercayai berpunca daripada pembakaran terbuka berdekatan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini, petang kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 2.25 petang itu, disedari seorang nelayan, Ariffin Ismail, 47, yang dalam perjalanan ke muara sungai selepas pulang

menangkap ikan dari laut.

Ariffin berkata, ketika berada di dalam bot, dia nampak kepulan asap tebal dari arah tebing muara sungai Kuala Dungun berdekatan Kompleks LKIM itu, lalu bergegas ke situ untuk melihat apa yang berlaku.

"Sebaik sampai, saya tidak berani menghampir tempat kejadian kerana bimbang berlaku letupan.

"Saya linat api sedang marak memusnahkan kenderaan itu lalu rakan saya menghubungi pihak bomba untuk

memaklumkan kejadian," katanya yang mengesyaki kebakaran itu berpunca daripada pembakaran sampah tidak jauh dari lokasi terabit.

Pasukan penyelamat dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Dungun yang sampai beberapa minit kemudian, berjaya mengawal api dari terus marak selain berjaya menyelamatkan sebuah kereta Perodua Kancil dan sebuah motosikal yang berada berdekatan.

Kes itu masih dalam siasatan pihak bomba.



Keadaan rumah Sharifah Sharuan yang musnah dalam kebakaran di Teluk Lipat, pagi kelmarin.

67 rumah rosak dilanda ribut

Oleh ROSLI HASSAN
rosli.hassan@kosmo.com.my

MELAKA - Sebanyak 67 buah rumah di Taman Ayer Keroh Height di sini rosak selepas sebahagian bumbung diterbangkan ribut dalam kejadian kira-kira pukul 2.30 petang semalam.

Walaupun tidak ada mangsa mengalami kecederaan, kejadian itu cukup mencemaskan para penduduk.

Seorang mangsa, Haliza Hussin, 51, berkata, kejadian berlaku ketika dia berada di luar untuk menutup pintu van miliknya yang diletakkan di hadapan rumah.

"Ketika itu, saya mendengar

bunyi yang kuat sebelum melihat bumbung rumah jiran hadapan tercabut.

"Saya bergegas masuk ke rumah apabila anak saya mengerit memberitahu air hujan mula memasuk rumah dari siling," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Panik dengan keadaan itu, Haliza dan dua lagi anaknya yang berusia 19 dan 21 tahun bergegas mengalihkan barangan elektrik seperti televisyen ke tempat lebih selamat.

"Setelah keadaan kembali reda, saya keluar untuk melihat bumbung dan terperanjat apabila mendapati sebahagian bumbung telah tiada akibat diterbangkan angin,"

katanya sambil memberitahu kerugian dianggarkan berjumlah RM10,000.

Salbiah Sariat, 56, pula sedang mengangkat haju di ampaian di belakang rumah ketika beberapa keping zink berterbangan ditipu angin.

"Angin bertiup kencang sehingga menyebabkan 13 keping bumbung rumah saya tercabut," katanya.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Bomba, Lokman Hakim Sulaiman berkata, pihaknya menghantar sebuah jentera dari Balai Bomba Ayer Keroh bersama-sama enam pegawai dan 16 anggota untuk membantu mangsa.



SEBAHAGIAN daripada 67 rumah yang rosak selepas dilanda ribut di Ayer Keroh, Melaka semalam.

Juruteknik Petronas maut nahas jalan raya



ZULKIFLI

KOTA KINABALU - Seorang juruteknik Petrolia Nasional Berhad (Petronas) di sini maut selepas motosikal yang ditunggangi terbabas selepas bergesel dengan kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota berhampiran simpang

masuk ke Universiti Teknologi Mara (UTM) Sapangar di sini semalam.

Dalam kemalangan pukul 12.15 tengah hari itu, Zulkifli Maarof, 47, meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah di kepala.

Difahamkan sebelum kejadian, Zulkifli dalam perjalanan ke rumahnya di Taman Malawa Jaya untuk makan tengah hari bersama keluarga dari tempat kerja di Sepanggar.

Kenderaan terlibat pula dipandu se-

orang lelaki berusia 59 tahun dan dalam perjalanan ke Sepanggar.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Superintendent M. Chandra ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu.

Taufan Sandy badai New York, musnahkan kota ikon AS

NEW YORK - Pertembungan dua lagi aliran cuaca yang bertukar menjadi taufan hampir menenggelamkan kota raya New York dan menjatuhkan Sandy sebagai taufan paling digeruni dalam sejarah Amerika Syarikat.

Sandy yang mulai membudai telah menyebabkan sebahagian besar kawasan rendah di Manhattan dilanda banjir sehingga bandaraya yang menjadi ikon Amerika Syarikat itu terputus bekalan elektrik.

Kira-kira 400,000 rumah terputus bekalan elektrik di kesemua lima kawasan pilihan raya benderang iaitu dari selatan Pulau Manhattan sehingga ke kawasan 39th Street.

Seorang rakyat Malaysia yang menetap di sebuah kompleks apartmen di 38th Street, yang terletak di tergeh pulau itu dan bersebelahan dengan East River memaklumkan air hujan memasuki kediamannya sekitar pukul 2 petang kelmarin akibat hujan lebat dan tiupan angin yang sangat kuat.

"Air hujan masuk melalui celah-celah tingkap rumah walaupun tingkap sudah ditutup, angin yang sangat kuat menyebabkan tingkap rumah saya bergegar dengan itu kunci ter-

buka dengan sendirinya" katanya yang harya mahu dikenali sebagai Dilla ketika dihubungi Bernama lewat malam kelmarin.

Dia yang menetap di tingkat 25 kompleks apartmen setinggi 54 tingkat dengan 840 unit itu berkata, air hujan juga memboisi kediamannya menerusi penyaman udara sehingga membasahi bilik dan ruang tamu rumah.

Dia yang tinggal seorang diri dan baru berpindah ke kota raya itu setelah cihantar bertugas dengan sebuah jabatan kerajaan di sini turut terputus bekalan elektrik.

"Selepas tidak ada elektrik, saya kunci rumah dan turun ke tingkat 11, menumpang rumah rakan sekerja yang turut tinggal di kompleks yang sama," katanya.

Ceritanya lagi, sekitar pukul 2 dan 3 petang, langit menjadi sangat gelap dan aliran air sungai East River bergelombang sangat kuat.

Kebanyakan mereka yang tinggal di bangunan kompleks itu bekerja dengan jabatan dan agensi kerajaan Malaysia yang berpejabat di New York. Kawasan tengah pulau Man-

hattan itu tidak berada dalam zon yang terjejas teruk dan wajib pindah.

Beberapa rakyat Malaysia yang menetap di Brooklyn pula antara lain menggunakan laman sosial Facebook memaklumkan mengenai kejadian angin kencang serta merasai hanginan pangsapuri mereka sekan-akan bergegar.

Beberapa rakyat Malaysia di Connecticut melaporkan turut mengalami gangguan bekalan elektrik.

Seorang daripada mereka pernah berpengalaman terputus bekalan elektrik sehingga 10 hari semasa berlakunya taufan Irene pada tahun lepas.

Kebanyakan rakyat Malaysia yang tinggal di negeri-negeri yang terlibat dengan taufan Sandy seperti di Maryland, Virginia, Dela-



PASUKAN penyelamat membantu membawa keluar mangsa banjir selepas New York dilanda taufan Sandy semalam.

ware, New Jersey, New York dan Connecticut memaklumkan mengenai keadaan mereka pada status laman Facebook mereka.

- Bernama